

**Jilid I
Bil. 27**



**Hari Khamis
12hb Disember, 1974**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN [Ruangan 2473]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Kesembilan)—

Jadual—

Kepala B. 22 [Ruangan 2474]

Kepala B. 25 [Ruangan 2511]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Kesembilan)—

Kepala P. 22 [Ruangan 2474]

Kepala P. 25 [Ruangan 2511]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 2473]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 12hb Disember, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jejebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, J.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN M. TAIB J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok-Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).

Yang Berhormat TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).

- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Star).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk-Sugut).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- ” TUAN EMBONG BIN YAHAYA, A.M.N. (Ledang).
- ” TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- ” TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- ” TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- ” TUAN HAJI MOHD KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TUAN MOHAMED IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- ” TUAN MOHD ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- ” DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- ” PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- ” TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- ” TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- ” TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- ” TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- ” TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAANPENEROKA DALAM RANCANGAN
FELDA

1. Tuan K. Pathmanaban bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas bilangan peneroka dalam rancangan-rancangan FELDA pada akhir tahun 1973, dengan memberi angka-angka mengikut angka pecahan kaum.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, bilangan peneroka dalam rancangan-rancangan FELDA pada akhir tahun 1973 mengikut pecahan kaum ialah seperti berikut:

Melayu	China	India	Lain-lain	Jumlah
26,781	639	561	33	28,014

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
YANG DIBEBAHKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.00 malam.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, 1975

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN
USULANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975
Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 dan Anggaran Pembangunan, 1975 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (11hb Disember, 1974).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan menyambung ucapan beliau.

Kepala B. 22 (Jadual)—

Kepala P. 22 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

2.35 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Tuan Pengerusi, berbagai jenis latihan telah juga disediakan di dalam bidang teknikal, vokesyenal, pertanian, ternakan dan juga perniagaan. Anggota-anggota tentera juga telah dapat diberi peluang untuk mendapat latihan sambil bekerja di Jabatan-jabatan Kerajaan dan Syarikat-syarikat Perniagaan. Kejayaan-kejayaan yang dicapai dari segi ini sangatlah menggalakkan iaitu dari segi bertambahnya bilangan yang menceburkan diri dalam lapangan-lapangan baru untuk mencari punca pendapatan. Ini terbukti dari segi berkurang mereka yang mendaftarkan diri di Kementerian untuk memohon pekerjaan sejak diadakan latihan-latihan yang dinyatakan tadi.

Dari segi peluang pekerjaan adalah diharapkan lebih banyak lagi pihak-pihak swasta di seluruh negara dapat memberikan peluang yang sesuai. Kerajaan sendiri telah melonggarkan had umur dan kelulusan sekolah serta menetapkan peratus yang patut

diisi oleh bekas-bekas anggota tentera untuk memberi peluang kepada mereka memohon jawatan-jawatan Kerajaan. Pengiktirafan kemahiran tentera yang tertentu oleh Kerajaan dan pihak swasta akan dengan sendirinya menambah peluang bekas-bekas anggota tentera mendapatkan pekerjaan.

Kementerian juga telah mengadakan rancangan tertentu khas untuk bakal-bakal dan bekas anggota tentera seperti rancangan menanam sayur di Cameron Highlands dan rancangan tanah di Sungei Koyan, Pahang.

Tuan Pengerusi, peruntukan keseluruhannya bagi Kementerian Pertahanan bagi tahun 1975 yang berjumlah \$1,018,045,269 iaitu \$800 juta untuk Perbelanjaan Mengurus dan \$218,045,269 untuk Pembangunan adalah perbelanjaan yang kecil sahaja untuk menjamin keamanan dan kedaulatan negara kita. Kementerian saya sedar atas perlunya tindakan jimat cermat diamalkan di segenap lapisan dan segala butir-butir yang menjadi asas Anggaran Belanjawan Kementerian yang dikemukakan ini adalah berdasarkan prinsip ini dan hanya perbelanjaan yang tidak dapat dielakkan sahaja yang saya kemukakan.

Tuan Pengerusi, saya pohon supaya Anggaran Mengurus Kementerian Pertahanan bagi tahun 1975 di bawah Kepala B. 22 sejumlah \$800 juta dan Anggaran Pembangunan Kementerian Pertahanan tahun 1975 di bawah Kepala P. 22 sejumlah \$218,045,269 diluluskan.

2.41 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Pengerusi, saya adalah menyokong peruntukan Perbekalan dan Pembangunan bagi Kementerian Pertahanan ini diluluskan dan saya minta izin menyentuh beberapa perkara yang tertentu.

Yang pertama, saya suka menyentuh berkaitan dengan tugas-tugas ataupun fungsi anggota-anggota Pasukan Tentera kita mengikut di bawah Kepala B. 22, Pecahan-kepala (Kod) 1100 iaitu mengikut anggaran pada tahun 1975 mempunyai 83,056 jawatan semuanya. Saya sukalah mengesyorkan supaya pihak Kementerian Pertahanan membuat satu kajian yang teliti bagi mempelbagaikan tugas anggota-anggota tentera ini. Kita tidak hendak menggunakan anggota-anggota tentera kita semata-mata untuk berperang sebagaimana yang dilakukan beberapa

puluh tahun lalu. Kita boleh gunakan anggota-anggota tentera kita sebagai tenaga pembangunan negara walau dengan apa cara sekalipun. Saya rasa di dalam matlamat Kerajaan sekarang ini hendak memperbanyakkan pengeluaran bahan-bahan makanan, anggota-anggota Angkatan Tentera kita boleh memainkan peranan yang penting.

Saya masih ingat lagi di dalam tahun 1969 dan 1970, batalion Angkatan Tentera Infanteri kita mencuba menjalankan dasar berdikari. Kalau tidak salah saya di Kem Sungai Udang terdapat percubaan menanam jagung, pisang dan sebagainya untuk mengeluarkan bahan makanan yang dijalankan oleh Tentera Infantri yang berada di situ, tetapi itu tidaklah dijalankan secara serius. Saya percaya jika perkara ini dikaji dengan halus dan tugas ini dijalankan secara teratur, ia akan memberi faedah yang besar. Faedah ini boleh juga dirasakan oleh anggota-anggota Angkatan Tentera itu sendiri, iaitu bagi mereka yang akan tamat perkhidmatan mereka ini akan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya untuk mengambil bahagian selepas mereka berhenti daripada perkhidmatan tentera.

Tuan Pengerusi, yang kedua saya suka menyentuh berhubung dengan Kepala P. 22, Pecahan-kepala 8—Kelengkapan Radio. Saya hendak menyentuh berkait dengan keselamatan. Saya rasa keselamatan terutama sekali rahsia pergerakan anggota tentera kita selama ini tidaklah begitu terjamin 100%. Saya percaya banyak rahsia-rahsia gerakan tentera kita telah bocor dan diketahui oleh pihak musuh. Saya tidak dapat membuktikan bagaimana caranya, tetapi saya masih ingat dalam tahun 1970, awal tahun 1971 semasa saya berpengalaman membuat operasi di kawasan sempadan di Utara Malaysia, semasa itu saya di dalam Pasukan Renjer Malaysia. Apabila pasukan saya berpindah ke sana saya mendengar sendiri dalam siaran radio komunis memberi ucapan "Selamat Datang" kepada pasukan saya, padahal sepatutnya pergerakan sesuatu Angkatan Tentera daripada satu tempat ke satu tempat yang lain, terutama semasa membuat operasi di sempadan adalah menjadi rahsia yang paling ketat. Saya percaya rahsia ini bocor melalui penggunaan radio ataupun penggunaan semboyan walaupun di dalam Pasukan Semboyan kita menggunakan berbagai-bagai cara rahsia, menggunakan cipher system, slided system dan sebagainya tetapi saya percaya ada beberapa cara yang

boleh membocorkan rahsia-rahsia ini kepada pihak musuh. Saya menyeru kepada pihak Kementerian dan pihak yang berkenaan mencari cara untuk memperketatkan kawalan ini supaya rahsia pergerakan tidak akan bocor lagi.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya suka mengesyorkan supaya anggota-anggota tentera kita ditukarkan daripada satu pasukan kepada pasukan yang lain, daripada satu crops kepada crops yang lain. Di dalam anggota tentera kita terbahagi kepada bahagian yang besar, iaitu Darat, Laut dan Udara, tetapi dalam Bahagian Darat sahaja pun banyak pecahan-pecahannya, iaitu ada Peninjau, ada Renjer, ada Askar Melayu, ada Semboyan (Signal) dan sebagainya. Saya rasa patut digalakkan terutama sekali kepada peringkat pegawai-pegawai ditukarkan daripada satu crops kepada crops yang lain supaya memberi peluang kepada mereka ini mendapat pengalaman di dalam berbagai-bagai bidang perkhidmatan tentera, dan selain daripada itu memupuk semangat cintakan negara melebihi daripada cintakan pasukan sendiri. Kita tidak mahu sebagaimana askar-askar di zaman penjajahan dahulu, kita tahu pada masa itu terutama sekali askar-askar di bawah penjajahan British berkhidmat di bawah Union Jack dibesar-besarkan oleh pihak penjajah. Misalnya, Pasukan Gurkha diagung-agungkan, African Rifles diagung-agungkan. Askar Melayu diagung-agungkan supaya pasukan-pasukan ini mempunyai satu perasaan cinta kepada pasukannya masing-masing dan tidak ada persatuan di antara seluruh perkhidmatan Angkatan Tentera itu. Kita di Malaysia hari ini, saya rasa tidak mustahak berada demikian, kita mahu tiap-tiap orang di dalam anggota tentera kita walau di dalam apa pasukan sekalipun mestilah menumpukan taat setia dan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi terhadap negara, bukan kepada pasukan masing-masing.

Tuan Pengerusi, perkara yang keempat saya suka menyentuh sedikit berkait dengan Askar Wataniah Malaysia. Di dalam pertanyaan Jawapan Mulut saya beberapa hari yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Pertahanan telah menjawab bahawa anggota-anggota Askar Wataniah yang tidak pernah dikerah berkhidmat sepenuh masa (mobile) selepas tamat daripada perkhidmatan mereka tidak diberi apa-apa sijil ataupun surat-surat

penghargaan. Sebenarnya, mereka ini setelah berkhidmat sebagai anggota sukarela selama beberapa tahun dan setelah mereka berhenti, mereka tidak dianggap sebagai bekas Anggota Pasukan Keselamatan dan mereka tidak mempunyai hak-hak istimewa yang diperolehi atau yang dinikmati oleh anggota-anggota bekas Pasukan Keselamatan yang lain. Saya suka menimbulkan perkara ini supaya diambil perhatian walaupun mereka itu tidak pernah dikerah berkhidmat sepenuh masa, tetapi mereka pernah memegang senjata, dan mereka pernah tertakluk di bawah disiplin. Angkatan Tentera di bawah M.R.E. dan sebagainya. Jadi mereka sepatutnya diberi pertimbangan sekurang-kurangnya jika mereka hendak meminta pekerjaan sebagai Jaga umpamanya, adalah diberi sedikit keistimewaan kerana mereka adalah bekas Askar Wataniah ini.

Berhubung dengan Askar Wataniah ini juga, saya suka mengambil fahaman berkaitan dengan penyerapan pegawai-pegawai tetap di dalam anggota Askar Wataniah ini seperti P.S.O. dan P.S.I., dahulunya dicadangkan setelah pelaksanaan dasar gaji baru angkatan tentera mereka ini akan diserapkan sebagai angkatan regular, tetapi rasa saya hingga sekarang ini pun perkara itu masih belum dijalankan dan saya rasa patutlah saya merayu di sini supaya perkara itu diberi pertimbangan segera.

Yang kelima, saya suka menyentuh sedikit tentang memperkembangkan kegiatan ugama di dalam pasukan-pasukan tentera. Saya rasa patutlah Angkatan-angkatan Tentera hari ini diubah sikapnya; diseru supaya berubah sikap. Janganlah kita menganggap sebagaimana masa di bawah penjajah dahulu kalau disebut askar itu minum beer dalam mess. Itulah sahaja yang pandai pada masa dahulu dan kalau ada majlis dan parti-parti yang besar-besar pun itulah yang dibesar-besarkan. Saya rasa patutlah kita menyeru supaya keadaan hari ini berubah, kita kuatkan ajaran-ajaran, panduan-panduan yang bercorak ugama Islam diperluaskan ke dalam pasukan-pasukan tentera kita. Saya rasa ini boleh dicapai jika kita menjalankan kegiatan-kegiatan dengan sempurna. Saya masih ingat dalam tahun 1969 semasa saya ditugaskan sebagai Pegawai Kebajikan atau Pegawai Ugama di dalam Pasukan Kelima Renger Malaysia, pada masa itu saya telah dengan kerjasama tuan guru dalam pasukan itu telah dapat mengislamkan empat lima orang

rakan-rakan, terutama sekali rakan-rakan daripada Malaysia Timur. Saya rasa perkara ini patut dipergiatkan lagi.

Yang akhir sekali, saya suka menyentuh di bawah Kepala P. 22, Pecahan-kepala 20—Pusat Latihan dan Perumahan bagi Bakal-bakal Bekas Tentera. Saya rasa anggota-anggota tentera yang telah tamat perkhidmatan mereka patutlah diadakan suatu daftar. Jangan biarkan mereka ini ke sana kemari dengan tidak mengetahui tempatnya dan mengetahui alamatnya. Sungguhpun kita mencari pekerjaan untuk mereka, tetapi mereka ini tidak dihubungi, umpamanya, mereka dapat mencari pekerjaan-pekerjaan sendiri, tetapi sekurang-kurangnya sebagai langkah menjaga keselamatan negara patut kita mengetahui di mana mereka berada dan apa mereka buat, kerana mereka ini mempunyai pengetahuan-pengetahuan yang sangat berguna untuk musuh. Umpamanya, ada antara bekas-bekas anggota tentera yang pernah menjadi jurulatih di dalam menggunakan berbagai-bagai jenis senjata. Jika mereka itu dibiarkan dan barangkali kehidupan mereka ini tidak terjamin, mereka ini senang sahaja dibeli oleh pihak musuh dibawa ke dalam hutan dan mereka akan menjadi jurulatih kepada pihak musuh. Saya rasa perkara ini patutlah kita jaga dengan halus dan kita kawal dengan rapi sekali dan kita berilah pertolongan yang sepatutnya supaya mereka ini dapat hidup dengan sempurna.

2.54 *ptg.*

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, di dalam membahaskan Perbekalan Kepala B. 22, Kementerian Pertahanan, saya juga turut menyokong apa yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan.

Sebagaimana kita sama-sama maklum, askar ataupun tentera adalah satu pasukan yang mempertahankan keamanan negara kita termasuklah kita bersama. Dengan sebab itu, patutlah perhatian yang sewajarnya kita beri setiap masa kepada askar-askar yang berkenaan. Jadi memandang kepada keadaan negara kita kadang-kadang bergelora dengan kekacauan di dalam negeri, saya berpendapat askar ini kalau banyak tentulah dipandang hebat oleh negeri-negeri lain. Kalau sekiranya mereka akan bergaduh dengan kita walaupun kita tidak mahu

bergaduh, tetapi kalau seseorang itu memandang kita kuat, dengan sendirinya dia pandang moral kita tinggi. Dengan sebab itu, saya berpendapat patutlah ditambahkan lagi batalion-batalion askar khasnya Askar Melayu.

Saya berpendapat patutlah negeri saya sendiri iaitu Perlis, walaupun negerinya kecil, tetapi sebagaimana kita sama-sama maklum Perlis adalah sebuah negeri yang bersempadan dengan Negeri Thai dan kadangkala juga berlaku rompakan ataupun pengkhianatan daripada kominis yang berlaku di titi jalan keretapi, kerap juga berlaku di Perlis seperti di Kubang Tiga dan sebagainya. Maka dengan sebab itu Kerajaan hari ini agak saya telah menempatkan satu pasukan askar ataupun kompeni di Bukit Puteri yang bertempat di Perlis. Jadi memandang kepada keadaan, maka saya mencadangkan patut ditempatkan khas satu batalion di Perlis di tempat-tempat yang berkenaan patut diperbaiki lagi ataupun dibuat lain yang dianggap kawasan itu bersesuaian, kerana saya tengok dengan mata saya sendiri tempat-tempat yang menjadi perhatian bagi pasukan-pasukan yang saya sebutkan tadi amat tidak bersesuaian dengan bangunannya yang terlampau tidak elok dibuat daripada kayu. Tetapi kalaulah daripada kayu sekalipun kalau dibuat dengan begitu elok, saya fikir amat sesuai. Dan di tempat itu juga boleh dijadikan satu tempat latihan untuk tentera awam dan sebagainya. Maka dengan sebab itu, saya berharap kepada Menteri yang berkenaan mengambil pertimbangan yang sewajarnya khasnya di Perlis.

Sebagaimana saudara saya tadi Ahli dari Besut menyatakan tentang Tentera Wataniah, saya berpendapat Tentera Wataniah ini patut kita berikan galakan kerana Tentera Wataniah boleh mempertahankan kalau ada serangan-serangan yang kita berkehendakkan kepada banyak pasukan-pasukan yang tahu memegang senjata dengan tidak makan gaji bulanan. Dengan sebab itu, saya berharap patutlah Kerajaan menambah lagi dan memberi peluang kepada sesiapa yang ingin menjadi Tentera Wataniah dengan syarat mereka rakyat yang taat setia kepada negara. Dan juga elaun yang saya dapat tahu yang diberi kepada mereka daripada dahulu lagi sampai hari ini tidaklah begitu bersesuaian. Masa latihan daripada pukul 2.00 petang hingga pukul 6.00 petang, kalau tidak

silap saya, di masa saya dahulu juga biasa menjadi tentera wataniah berkawat seminggu 4 kali, diberi elaun, kalau tidak silap saya, sebanyak \$7.90 sen sehari jadi 4 hari berjumlah hampir \$29. Memandang kepada kenaikan harga dan semua elaun dinaikkan oleh tiap-tiap Jabatan bagi tiap-tiap pegawai, maka patutlah perkara ini juga ditimbangan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, manusia ini dia tentulah beranak dan mati iaitu satu benda yang tidak dapat dielakkan. Jadi kepada pasukan-pasukan askar, saya tahu bila sudah berlaku kematian diberi sagu hati dan sebagainya, dan ada setengahnya diberi sara hidup sampai masa yang panjang. Tetapi anihnya ada satu cerita iaitu saya dapat tahu seorang janda askar mendapat imbuhan khas daripada bekas suaminya yang telah meninggal dunia, tetapi dengan satu syarat, dia tidak boleh kahwin. Kalau kahwin maka putuslah saraan itu. Ini saya berpendapat kita menyekat satu kemahuan yang Tuhan telah jadikan kepada tiap-tiap manusia. Jadi hamba Allah inipun kalau dia hendak kahwin dia takut anak-anaknya tidak kemana supaya dapat dibela, maka dia terpaksa mengkongkong dirinya sungguhpun itu sudah dijadikan oleh Tuhan. Peraturan tersebut pada pendapat saya patutlah dipinda. Dan juga saya mengsyorkan sepatutnya kepada anak-anak askar yang mati terkorban baik di dalam masa peperangan ataupun kemalangan di masa ia bertugas, patut anak-anak mereka ini diberi saraan yang cukup untuk perbelanjaan sekolah sehingga budak itu tamat persekolahannya, kerana kita dapat tahu kadang-kadang anak-anak askar bila bapanya mati dia tidak ada punca lain sebelum mendapat pencen dan sebagainya. Ini menjadi satu perkara yang sedih sangat kepada anak-anak tersebut. Saya berharap kepada anak-anak askar yang bapanya mati terkorban maka askar-asakar yang lain sama-sama memberi pertolongan kepadanya.

3.00 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, membaca tujuan-tujuan yang telah tercatat di dalam buku Anggaran Belanjawan, 1975 yang telah dikemukakan oleh Kementerian Pertahanan dan mendengar penerangan-penerangan lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri

tersebut, maka saya tidak ragu-ragu menyokong anggaran yang dikemukakan untuk diluluskan.

Di samping itu saya suka menyentuh empat lima perkara untuk menarik perhatian Yang Berhormat Menteri ataupun Kementerian yang berkenaan.

Pertama, berkenaan dengan gaji. Gaji anggota-anggota ataupun askar-asakar kita. Kalau kita hendak bandingkan dengan gaji yang diterima oleh pihak-pihak Perkhidmatan Awam, mereka telah mendapat kajian semula gaji kalau tidak salah saya, tiga kali, iaitu daripada Benham Report, Trusted Report dan Suffian Report. Walhal anggota Angkatan Bersenjata hanya dua kali, iaitu pada tahun 1957, untuk pegawai-pegawai sahaja, dan juga tahun 1972 oleh Sheikh Abdullah Report yang meliputi semua peringkat.

Tuan Pengerusi, kalau dibandingkan gaji budak pejabat sekarang ini yang bekerja dengan pihak swasta, diberi lebih kurang \$140 sebulan, kalaulah di Pejabat-pejabat Kerajaan barangkali \$120 sebulan, dibandingkan dengan gaji seorang anggota yang berpangkat private lebih kurang serupa, tetapi bebanan dan tugasnya seorang private, seorang askar biasa itu, memang bebanannya, responsibilitiesnya, tanggungjawabnya, lebih daripada seorang budak pejabat yang saya sebutkan tadi. Yang Berhormat Menteri sendiri telah berkata bahawa beliau menghadapi satu masalah, satu kerumitan untuk mendapatkan pegawai-pegawai untuk berkhidmat di dalam beberapa jurusan. Bagaimana pegawai-pegawai hendak masuk berkhidmat di dalam Pasukan Angkatan Bersenjata kita kalaulah gajinya begitu jauh dibezakan dengan gaji yang boleh didapati oleh mereka yang bekerja dengan pihak-pihak swasta dan juga dengan pihak-pihak Perkhidmatan Awam.

Yang keduanya, saya suka menyentuh berkenaan dengan Naval Base Lumut. Yang Berhormat Menteri mengatakan Naval Base Lumut ini akan siap pada tahun 1980. Barangkali ini dijangkakan memandangkan kepada perkara-perkara di negara kita lima enam tahun dahulu. Dengan sebab itu dianggarkan pada tahun 1980 baharu siap, tetapi dengan keadaan sekarang ini, saya berharap dapatlah Kementerian Pertahanan mempercepatkan masa penyiapan itu. Sekarang ini kita mempunyai sebuah naval

base, sungguhpun ada perjanjian-perjanjian yang tertentu, tetapi letaknya naval base itu ialah di negara orang lain. Kalau misalannya apa-apa yang terjadi, maka boleh juga keselamatan negara kita terancam, oleh itu Pengkalan Laut di Lumut hendaklah cepat dipersiapkan untuk keselamatan dan kepentingan negara kita.

Yang ketiga, saya suka menyentuh berkenaan dengan bekas-bekas perajurit. Yang Berhormat Menteri baharu sahaja mengatakan dalam ucapannya tadi, adalah diharapkan agar pihak swasta dapat bekerjasama, itu dan ini, supaya bekas-bekas perajurit ini, sesudah mereka menjalani latihan rehabilitation, dapat dimasukkan bekerja di dalam syarikat-syarikat dan firma-firma. Kalaulah pendirian kita masih lagi menggunakan perkataan "berharap" dan "merayu" sepanjang itu juga maka bekas-bekas perajurit kita nanti hanya boleh menjadi watchmen ataupun buruh kasar sesudah mereka berkhidmat 30-40 tahun dan telah menerima beberapa latihan semasa mereka di dalam Pasukan Angkatan Bersenjata.

Saya suka menyebutkan di sini satu perkara yang sangat-sangat menyedihkan saya. Kalau saya hendak cakapkan 100% apa yang disampaikan oleh balu beliau itu barangkali saya menangis di dalam Majlis yang mulia ini, tetapi saya suka menyebutkan: beliau ialah seorang Colonel, telah berkhidmat selama 35 tahun. Sebulan yang lampau beliau telah meninggal dunia. Beliau mempunyai pingat A.M.N., O.T. dan barangkali dua kati berat medalnya.

Tuan Pengerusi: Dua kati!

Raja Nasron bin Raja ishak: Dua kati berat service medals dan sebagainya. Beliau telah berjuang di masa Peperangan Dunia Kedua di Congo, di dalam masa konfrantasi dahulu, di masa emergency dan sebagainya. Bukanlah salah beliau. Beliau telah merayu—menulis surat untuk mendapatkan, bukan rumah bungalow, bukan rumah dekat Jalan Duta, melainkan rumah murah, itupun tidak dapat. Sesudah meninggal dunia, balu beliau sekarang menumpang, membayar sewa \$150 sebulan. Apakah yang dibuat oleh Persatuan Bekas Perajurit itu? Satu pun tidak dibuatnya, kerana katanya orang ini dahulu sudah dapat pencen \$450 dan sekarang kerana sudah meninggal dunia, balunya tidak dapat lagi pencen itu dan sekarang tinggal men-

derita. Saya berharap perkara-perkara ini mendapat perhatian Kementerian, sungguhpun barangkali di dalam peraturannya tidak boleh diberi, tetapi atas peri kemanusiaan, memandangkan kepada perkhidmatannya yang 35 tahun itu, dapat satu-satu pertolongan diberi kepada orang-orang yang seperti ini.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentuh satu perkara yang lain, iaitu tugas-tugas sebagaimana yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat sebelum saya berdiri tadi; Pasukan Bersenjata ini janganlah hanya untuk peperangan sahaja, tetapi saya cadangkan agar dapat Pasukan Bersenjata ini "adopt" ataupun membuat anak angkat pasukan-pasukan ataupun sekolah-sekolah seperti Henry Gurney, Sungei Besi Boys Home dan sebagainya kerana boleh budak-budak yang dilatih di sekolah-sekolah ini dapat satu-satu pegangan. Kalau ada satu-satu pasukan katakanlah Askar Melayu Di Raja, Pasukan Semboyan, Pasukan T.U.D.M., Pasukan Laut Di Raja dan sebagainya adopt murid-murid sekolah yang saya katakan ini, maka dapatlah budak-budak itu hero-worship memegang satu-satu daripada pasukan-pasukan itu, membolehkan mereka baik lagi mengikut disiplin, ajaran-ajaran, tunjuk ajar daripada pasukan-pasukan ini.

Yang akhirnya, saya suka menyentuh berkenaan dengan muka 169, B. 22 di dalam buku Belanjawan Persekutuan, 1975, di mana ada tercatat bahawa di dalam tahun 1975 ini sahaja lebih kurang \$149.9 juta akan dibelanjakan oleh Kementerian untuk membeli serba alat untuk askar-askar kita. Saya mengetahui bahawa di dalam kerja-kerja, usaha-usaha hendak membeli berjuta-juta ringgit ini, saya mintalah perhatian Kementerian yang berkenaan agar dapat memberi peluang kepada peniaga-peniaga dan pembekal-pembekal daripada golongan bumi-putra. Janganlah hanya diberi kepada pemborong-pemborong yang tertentu, pemborong-pemborong yang telah memang memonopoli semua juga kontrek-kontrek yang ada di dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Ini tidak payah lagi bukti-bukti bersurat untuk disampaikan. Memang ada rekod-rekod hanya empat, lima, enam, kontrekter-kontrekter sahaja yang membekal barang-barang yang tertentu untuk Kementerian Pertahanan.

Oleh yang demikian, masanya sudah sampai kepada Timbalan Menteri Pertahanan, seorang yang muda, seorang yang cergas, seorang yang mempunyai pendirian sebagaimana yang saya baca di dalam *New Straits Times*, backgroundnya tidak suka kepada apa-apa himpitan, maka dengan imej yang baharu ini dapat perkara yang saya sebutkan itu diperbaiki.

3.10 ptg.

Tuan Sanusi bin Junid (Jerai): Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntukan untuk Kementerian Pertahanan, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak mengenai keselamatan negara pada waktu ini yang sangat-sangat bergantung keamanannya kepada peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pertahanan.

Memandangkan kepada keadaan kemerosotan ekonomi dunia, saya tidak yakin sebuah negara mana pun daripada luar yang dapat membantu kita, baik dalam segi mengamankan negara ataupun untuk mempertahankan negara daripada serangan-serangan luar.

Tuan Pengerusi, sekarang negara kita menghadapi masalah inflasi dan kita mengetahui bahawa revolusi-revolusi yang tercetus di dunia banyaknya tercetus pada waktu-waktu dan zaman-zaman inflasi. Sebagai bukti kita mempelajari Revolusi Perancis dan Revolusi Bolshevik di Russia juga telah tercetus pada masa inflasi. Hanya dengan adanya Kementerian Pertahanan yang kuat dengan peruntukan yang lumayan dapat kita memelihara negara kita sewaktu menghadapi masa gelora yang jelas kelihatan.

Tuan Pengerusi, sekali lagi dalam membincangkan masalah keamanan negara, saya ingin membawa perhatian Dewan ini kepada peristiwa-peristiwa yang perlu mendapat perhatian sementara kita mencatu satu cara semoga keamanan negara kita dapat kita baiki dari masa ke semasa. Kita mengetahui bahawa contoh-contoh kekacauan yang berlaku di dunia adalah hasil usaha pihak-pihak kominis yang telah berusaha secara sungguh-sungguh untuk melahirkan satu revolusi. Untuk melahirkan revolusi mereka perlu mengemukakan kontradiksi sebagaimana mereka telah membesarkan kontradiksi di Russia, di antara pihak majikan dan pihak buruh, hingga tercetusnya Revolusi Industri dan kita lihat bagaimana kontradiksi antara

kaum tuan tanah dengan kalangan petani di Negeri China yang telah melahirkan revolusi di sana.

Tetapi syukur, Alhamdulillah, di negara kita walau apa juga cara dicuba untuk membesarkan satu-satu kontradiksi dari satu-satu sudut yang tertentu namun dua kontradiksi menjadi nyata yang tidak dapat dileburkan dengan satu-satu revolusi. Kontradiksi ini adalah kontradiksi bangsa dan kontradiksi agama. Oleh itu, adalah menjadi satu problem kepada gerakan sosialis di negara dan pergerakan sosialis internasional untuk membesarkan satu kontradiksi di negara kita sehingga melahirkan satu revolusi yang dapat meleburkan kontradiksi dan berakhir dengan prolitarian dictatorship.

Tuan Pengerusi, di negara kita, kita lihat di dalam pilihanraya yang telah lalu bagaimana rakyat telah menolak fahaman sosialis. Dengan tertolaknya fahaman sosialis, maka dengan sendirinya keputusan pilihanraya telah membuat satu endorsement kepada fahaman kominis yang bertindak secara bersenjata dan mengenyepikan cara bertindak secara perlembagaan. Oleh itu, saya percaya sudah ada satu persetujuan di kalangan kominis untuk tidak lagi mempunyai dua faction satu darinya yang masih percaya kepada perjuangan daripada cara-cara perlembagaan. Oleh itu, kita boleh mengharapkan kekacauan yang berlebih-lebih di negara kita di masa-masa dan tahun-tahun yang akan datang sebagaimana saya katakan tadi, waktu-waktu yang penuh bergelora. Saya yakin dengan kegagalan sosialis untuk mencari satu sumber kontradiksi yang dapat di besarkan, kegagalan pihak kominis untuk melaga-lagakan kaum dan kegagalan pihak kominis untuk berjuang secara perlembagaan akan membawa kepada hanya satu matlamat akhir iaitu untuk bergerak melahirkan kacau bilau dalam negara kita sehingga mereka dapat berkuasa.

Dalam suasana inilah Kementerian Pertahanan telah membentangkan budgetnya dan saya percaya jumlah \$1,018,045,269 yang diperuntukan ini tidak begitu besar jika dibandingkan dengan tugas yang akan dijalankan.

Tuan Pengerusi, saya masih ingat lagi kepada waktu kekacauan berlaku di negara kita pada tahun 1969. Pada waktu ini saya mengetahui ada satu usaha di London untuk

cuba menembak mati salah seorang pemimpin pelajar di Malaysia semoga beliau menjadi "hero" dan "martyr" sebagaimana Arif Abdul Rahman Hakim di Indonesia. Tetapi oleh kerana tidak terdapat "Harvey Orswald" yang akan menjalankan penemuan ke atas pemimpin pelajar tersebut, maka peristiwa pada tahun 1969 itu tidak berlaku sebagaimana yang dirancang oleh kalangan-kalangan komunis di luar negeri yang berminat untuk mencetuskan huru-hara di dalam negara kita.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, negara-negara kecil dan yang sedang membangun seperti Malaysia kalau tidak berhati-hati akan terkurban demokrasinya, dan apabila demokrasinya terkurban hanya ada dua pilihan: pilihan pertama ialah pemerintahan komunis dan yang kedua dicatorship oleh Angkatan Bersenjata. Saya berdoa kepada Allah semoga tidak lahir komunis di sini, kerana kita tidak suka kepada komunis, bukan sahaja kerana tidak sesuai kepada bangsa yang berbilang kaum, tetapi juga kerana komunis tidak sesuai kepada majority rakyat di negara ini yang beragama Islam. Oleh itu, saya berharap jika sekiranya kita tidak dapat mempertahankan lagi demokrasi ini dan jika negara ini terpaksa diserahkan untuk ditadbirkan oleh Angkatan Bersenjata, hendaknya Angkatan Bersenjata ini terdiri daripada mereka yang bertakwa. Oleh itu, saya minta kepada Menteri Pertahanan supaya menjalankan usaha dakwah yang hebat di dalam Kementerian Pertahanan semoga kita akan dapat, bukan sahaja private-private yang bertakwa, tetapi juga pegawai-pegawai yang bertakwa, semoga nanti kalau satu peristiwa berlaku yang menyebabkan mereka mewarisi negara ini, maka kita dapat lepaskan negara ini ke tangan mereka yang nilai-nilai hidup belum terkurban oleh diri mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, inilah suasana yang sedang kita hadapi, dan saya fikir apa yang sedang saya bicarakan di sini mungkin nampak "over-expressed" bagi setengah-setengah daripada mereka yang begitu yakin dengan keamanan dunia dan keamanan kawasan kita. Tetapi kalau kita memahami dengan dalam dan kalau kita mengetahui betapa "frustrated" kalangan-kalangan yang tidak senang melihat kemajuan dan pembangunan negara kita maka kita dapat memahami segala yang berlaku di negara kita, baik dahulu, baik sekarang, baik di masa-masa yang akan datang.

3.16 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin (Jasin):

Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong penuh peruntukan yang telah diberi kepada Kementerian Pertahanan sebanyak \$1,018,045,269 yang mana boleh dikatakan kedua besarnya bagi bekalan peruntukan untuk tiap-tiap Kementerian bagi tahun 1975.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Pertahanan dan Pasukan Keselamatan yang baharu-baharu ini telah berjaya menewaskan beberapa orang saki-baki pengganas-pengganas komunis yang telah didapati dalam kawasan gerakan Empat Indera di Bentong, Pahang. Selain daripada itu Pasukan-pasukan Keselamatan telah berjaya menewaskan serangan-serangan anasir-anasir penjahat komunis yang ingin melanda dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya juga suka mengambil bahagian dalam masalah Kepala B. 22 Pecahan-Kepala 1100 (ii)—Perkhidmatan Tentera yang diberi peruntukkan sebanyak \$211,840.

Tuan Pengerusi, kita juga sedar dalam masalah tanggungjawab tentera dan Pasukan Keselamatan dalam negara kita ini yang telah memainkan peranan yang cukup baik, tegasnya dalam masalah hendak mempertahankan negara kita di masa akan datang. Di samping itu juga, saya suka mengharapkan perlaksanaan penyelarasan antara tentera dengan orang-orang awam atau orang-orang kampung perlu juga kita perluaskan lagi. Sebagaimana kita maklum, sekarang antara tentera dengan orang awam boleh dikatakan belum mendapat penyelarasan dan fahaman yang sebenarnya. Kadangkala orang-orang awam, ataupun orang-orang kampung tidak berapa minat dalam masalah memasuki perkhidmatan tentera.

Jadi dengan ini, saya mengharapkan supaya Pasukan Keselamatan atau Pasukan Tentera ini dalam perkhidmatannya, selain daripada berkhidmat sebagai menjaga negara yang asasnya, perlulah Pasukan Tentera membuat perkhidmatan secara meluas iaitu secara memberikan pertolongan kepada pelaksanaan pembangunan negara sebagaimana kita orang-orang kampung selalu

mengadakan kerja-kerja gotong-royong dalam masalah beberapa perkara pembangunan. Dengan ini saya mengharapkan kerja gotong-royong daripada Pasukan Tentera dengan orang-orang kampung hendak membina jalan-jalan di kampung, saya mengharapkan supaya Pasukan Tentera dapat memberi pertolongan dengan sewajarnya, lebih-lebih lagi menitikberatkan jika sekiranya ada perlawanan daripada Majlis Tindakan Daerah ataupun negeri-negeri meminta kepada Pasukan-pasukan Tentera yang ingin hendakkan perbekalan, perkakas-perkakas membina jalan dan sebagainya. Seterusnya Pasukan Tentera hendaklah, lebih meminati lagi memberikan pertolongan dengan sewajarnya mudah-mudahan segala projek dan persamaan percampuran kerja gotong-royong daripada tentera dengan orang-orang awam atau orang-orang kampung boleh dijadikan penyelerasan yang lebih-baik serta boleh memberikan perasaan kepada orang ramai. Perkhidmatan tentera ini bukanlah sebagai hendak menjaga negara semata-mata, atau hendak mempertahankan musuh-musuhnya daripada luar, tetapi tentera bersedia berkhidmat hendak membangunkan negara kita di masa akan datang.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Pasukan-pasukan Tentera, tetapi saya rasa perlulah Pasukan Tentera ini membuat satu kajian iaitu Pasukan-pasukan Tentera yang perlu dibanyakkan lagi. Saya rasa dalam Pasukan Tentera ini yang lebih cergas dan latihan-latihan yang tertentu boleh membawakan kepada kejayaan Pasukan Pertahanan kita, iaitu Pasukan Tentera kita hendaklah diperluaskan dalam pembahagian Rejimen Gerak Cepat, kerana Rejimen Gerak Cepat saya tengok tidak berapa banyak bilangannya tetapi mereka boleh menjalankan usaha mengawal dan menewaskan musuh di beberapa tempat di dalam kawasan samada Sabah dan Sarawak. Dengan latihan yang tertentu didapati oleh Rejimen Gerak Cepat ini walaupun 4-5 orang tetapi mereka boleh menawan gerombolan pengganas-pengganas kominis atau anasir-anasir musuh dengan ramainya. Ini saya rasa patutlah Pasukan-pasukan Rejimen Gerak Cepat ini kita perluaskan lagi.

Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh Kepala P. 22 berhubung dengan Pecahan-kepala 20—Pusat Latihan dan Perumahan

bagi Bakal-bakal Bekas Tentera. Kita tahu Pusat Latihan Tentera ini sememang ada di beberapa tempat di dalam negara kita. Saya suka menarik perhatian iaitu di kawasan saya, ada satu pusat Latihan Tentera, samada diiktiraf ataupun tidak diiktiraf oleh pihak Kementerian Pertahanan, iaitu di Bukit Asahan—kawasan persempadanan antara Gunung Ledang dan Asahan Melaka. Saya lihat kebanyakan Pasukan-pasukan Tentera ada membuat latihan-latihan di sana dengan secara tertentu, samada Tentera Darat, mahupun Tentera Udara Di-Raja Malaysia. Malang dan dukacitanya rasa saya, Pusat Latihan Tentera di sini kurang kelengkapan. Saya mengharapkan terutama sekali dalam masalah kelengkapan jalanraya dan sebagainya dan juga perkemahan-perkemahan, lapangan terbang tidak selengkap sebagaimana tempat-tempat latihan tentera yang telah diadakan di tempat-tempat lain. Maka dengan ini, saya menarik perhatian kepada Kementerian Pertahanan supaya dapat diperbetulkan Pusat Latihan Tentera yang ada di Bukit Asahan Melaka ini dan dapat memberikan bantuan-bantuan kerana ada pengaduan daripada penduduk-penduduk di kawasan itu.

Pada mulanya sebelum ada Pasukan Latihan Tentera diadakan di tempat itu, jalan-jalanraya masih baik tetapi bilamana terak-terak tentera, kereta meriam datang, maka jalan-jalanraya yang dibuat oleh Kerajaan Negeri telah mendatangkan satu kerosakan. Kerosakan-kerosakan ini saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan supaya dapat membetulkan, dan juga dalam masalah-masalah latihan bilamana dibuat hendaklah diberitahu lebih awal kepada penduduk-penduduk di kawasan itu, mudah-mudahan tidaklah berlaku lagi perkara yang telah lalu dalam lebih kurang 1½ tahun dahulu, iaitu penduduk-penduduk di situ tidak tahu pasukan tentera membuat latihan dan tembakan-tembakan peluru kosong atau peluru kapur boleh merosakkan penduduk-penduduk di kawasan itu.

Saya mengharapkan kepada pihak Kementerian supaya perkara-perkara yang belum teratur dapat diperbetulkan, terutama sekali jalan-jalanraya yang dilalui oleh tentera samada daripada Melaka ke Bukit Asahan dan seterusnya ke Jementah, jalan-jalanraya itu adalah jalanraya yang amat rosak, dan

terok sekali. Saya berharap supaya Kementerian dapat bersama-sama memberi bantuan, untuk memperbaiki Pusat Latihan Tentera di Bukit Asahan Melaka.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh dalam masalah perumahan tentera yang telah diberikan perbekalan sebanyak \$60 juta. Kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan dan Kementerian Pertahanan yang telah sadar dalam masalah beberapa kesulitan-kesulitan yang telah dialami oleh Pasukan-pasukan Keselamatan dan Pasukan Tentera bilamana berhenti tidak ada mempunyai perumahan yang tertentu. Walau bagaimanapun, saya suka menegaskan dan mengharapkan pula supaya perumahan tentera yang akan dibuat dan sedang dibuat ini supaya dapat disesuaikan dengan tiap-tiap ahli kelamin tentera. Janganlah hendaknya pihak Kerajaan membuat rumah tentera dengan tergesa-gesa, iaitu rumah itu terlalu kecil kemudian tidak sesuai dan selaras untuk bekas-bekas Pasukan Tentera yang hendak duduk mempunyai anak yang ramai. Inipun menjadikan satu masalah. Saya suka mengesyorkan supaya rumah ini dibuat dua tiga peringkat. Satu peringkat itu misalnya satu bilek, atau dua bilek, dan satu peringkat lagi ada tiga bilek. Jadi kita kena buat pembahagian yang demikian, kerana ada bekas tentera yang anaknya ramai dan mereka boleh memilih yang tiga bilek. Dan janganlah yang anak seorang, dua orang mereka bolehlah mengambil rumah yang berbentuk satu ataupun dua bilek itu.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Ini saya rasa perlu dikaji dengan sedalam-dalamnya oleh Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan supaya kita tidak mahu berlaku lagi, ibarat kata: Rumah siap pahat berbunyi. Ada banyak masalah akan timbul lagi oleh Pasukan Keselamatan atau Angkatan Tentera pada masa yang akan datang.

Akhirnya, saya suka menyentuh dalam masalah Kepala P. 22 Pecahan-kepala 13—Pembelian Kapal-kapal Terbang. Kita sadar dalam masalah hendak mengawas dan menjalankan tugas keamanan ataupun mempertahankan negara kita, kapal-kapal terbang tentera udara ini adalah amat penting, tetapi apa yang Kementerian mesti fikirkan bahawa negara kita ini tidak sama dengan negara-negara yang lain, kerana negara kita mempunyai banyak hutan-hutan

yang tebal dan gunung-gunung yang tinggi dan bukit-bukau. Jika sekiranya Kementerian kita banyak membazirkan wang dengan membeli kapal-kapalterbang yang besar ataupun tidak dapat digunakan atau diselaraskan sebagai tentera udara hendak mengawasi iaitu di mana tempat-tempat persembunyian penjahat-penjahat, maka ini adalah membuang ataupun membazirkan kewangan kita. Dengan ini saya mengharapkan supaya Kementerian kita dapat membeli ataupun menggunakan kapal-kapalterbang helikopter yang rasa saya ada murah sedikit tetapi banyak kerja-kerja atau banyak kegunaan-kegunaan bilamana hendak menjalankan operation ataupun mengawasi tempat-tempat persembunyian penjahat-penjahat di dalam negara kita ini. Dengan ini saya fikir perbelanjaan pembelian kapal-terbang oleh Kementerian ini dapat kita selamatkan dan dapatlah perkhidmatan Tentera Udara Di Raja Malaysia mempertahankan negara kita ini pada masa yang akan datang.

3.35 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, saya juga turut memberi sokongan di atas Perbekalan dan Pembangunan bagi Kementerian Pertahanan tetapi bagaimanapun wang dan pertuntukan dan cara-cara untuk digunakan wang itu pada fikiran saya patut juga menerima teguran sungguhpun dalam Kementerian yang berkenaan ada penasihat-penasihat dan pakar-pakar yang tertentu.

Dalam melengkapkan Pasukan Bersenjata kita dengan alat-alat moden, elok juga pada fikiran saya alat-alat ini mestilah bersesuaian untuk kegunaan di negara kita mengikut keadaan-keadaan tempat, cuaca dan masa. Misalnya, saya memang bersetuju benar dengan sahabat saya Yang Berhormat dari Jasin berkenaan dengan kapal-terbang jenis F-5E, kalau tidak silap. Kita tahu, dan yakin bahawa ini adalah satu jentera atau alat perang yang moden dan sophisticated, bagaimanapun kita patut juga memikirkan samada satu squadron kapal-terbang yang sophisticated, dua squadron atau tiga squadron cukup untuk mempertahankan serangan udara. Kalau tidak, apakah sebabnya kita melengkapkan tentera-tentera udara kita dengan senjata-senjata dan alat-alat ini?

Kalau cuma sebagai status symbol, saya ingat ini satu perkara yang membazirkan wang. Sebab dalam keadaan negara kita, pada fikiran saya, apa yang patut diutamakan ialah squadron helicopter supaya dapat menyesuaikan kegunaannya dalam hutan-hutan seumpamanya helicopter Alouette, Belvedere, ataupun terkenal dengan kayu balak. Dalam pengalaman ataupun pengetahuan yang kita dapati pada penglihatan apa yang telah terjadi di Vietnam boleh menjadi satu panduan untuk melengkapkan askar-askar kita dengan senjata-senjata moden dengan alat-alat peperangan yang lain.

Bom yang digugurkan di Vietnam sudah lebih dari bom yang digugurkan dalam masa peperangan dunia yang kedua di Eropah—European Fronts, tetapi sungguhpun begitu kejayaan kepada pihak-pihak yang tertentu belum tercapai. Ini jelas membuktikan iaitu kekuatan udara dalam negara kita tidak dapat kita gunakan dengan adanya kapal-kapalterbang yang sophisticated.

Lagi satu perkara yang saya ingin menyentuh mengenai senjata-senjata light arms yang digunakan oleh askar-askar. Kalau tidak silap saya askar-askar kita dilengkapi dengan S.L.R. (Self-loading Rifle), Bren gun, Sterling dan sebagainya. Pada fikiran saya S.L.R. ini tidak sesuai digunakan dalam negara kita ini dan oleh kerana askar-askar kita menggunakan S.L.R. mungkin pada ketika itu penasihat-penasihat dalam Kementerian Pertahanan terdiri daripada orang-orang Inggeris. Ada lagi satu senjata yang rupanya semacam dengan S.L.R. iaitu Armlite, kalau tidak silap saya dikeluarkan oleh Colt Company di Amerika Syarikat. Senjata ini pada fikiran saya lebih sesuai sebab dia ringan dan lebih muarab daripada segi kegunaannya. Sungguhpun mahal sedikit, tetapi pada fikiran saya senjata Armlite lebih sesuai untuk kegunaan dalam hutan. Lebih kurang 10 tahun dahulu Pegawai-pegawai Pasukan Polis ada juga dilengkapi dengan senjata ini dan dalam pengalaman saya selepas menggunakan senjata ini saya sokong 100% kalau hendak dibandingkan senjata Armlite dengan senjata S.L.R. memanglah senjata Armlite yang lebih sesuai.

Perkara yang kedua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan penempatan Base T.U.D.M. di Subang iaitu berhampiran dengan Lapanganterbang Antarabangsa Subang. Pada fikiran saya ini satu perbuatan

yang kurang wajar, sebab jika ada peperangan ataupun pergaduhan ataupun serangan udara tempat-tempat yang seperti military installations akan menjadi sasaran utama bagi musuh-musuh dan ini mungkin akan mengancam keselamatan orang awam di Lapanganterbang Antarabangsa Subang.

Perkara yang ketiga, berkaitan dengan keselamatan di sempadan Thailand dengan Malaysia. Kerap kali kita mendengar kegiatan pengganas-pengganas yang sudah mengorbankan beberapa nyawa iaitu orang-orang awam dan juga memusnahkan jentera-jentera yang mengakibatkan berjuta-juta ringgit dan oleh sebab ini daripada segi keselamatan ialah satu long term keselamatan kita elok juga pada fikiran saya Kementerian yang berkenaan mengkaji semula cara-cara hendak menentukan atau menjamin keselamatan pekerja-pekerja kita, askar-askar kita, rakyat kita yang duduk di sempadan daripada Pantai Timur hinggalah ke Pantai Barat.

Dalam masa dharurat dahulu ada juga Kerajaan mendirikan kubu-kubu di hutan belantara, umpamanya Fort Kemas, Fort Telanok, Fort Iskandar, Fort Chabai, Fort Tapong dan sebagainya. Dari segi pengalaman saya selepas bertugas di tempat-tempat ini, saya dapati apabila tiap-tiap kubu ini didirikan maka Orang-orang Asli juga datang membuat perkampungan mereka di tempat-tempat ini. Oleh sebab itu saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji di atas kemungkinan mendirikan fort-fort ini daripada Pantai Timur sehingga ke Pantai Barat supaya askar-askar boleh dapat ditugaskan di situ untuk menjaga keselamatan pekerja-pekerja, penduduk yang berkaitan. Selain daripada itu, mungkin perkampungan-perkampungan juga akan muncul di sekeliling kubu-kubu ini dan askar dalam tugas menjalankan tugas askarnya boleh juga menjalankan tugas pembangunan supaya tidak boleh orang mengatakan askar itu cuma memusnah tetapi tidak membangun (to destroy, not to build).

Satu lagi perkara kecil yang ingin saya membawa perhatian Menteri yang berkenaan iaitu dalam penggunaan kenderaan-kenderaan ini. Saya berseru kepada mereka yang berkenaan jika hendak menaiki kereta Volvo misalnya belilah dengan wang sendiri dan saya yakin dan percaya pegawai-pegawai ini mampu mengapa pula hendak menggunakan

kenderaan-kenderaan Kerajaan untuk kegunaan sendiri. Misalnya untuk isteri-isteri pergi set rambut. Ini kerap kali kita jumpa. Mungkin Menteri yang berkenaan tidak biasa melihat perkara ini berlaku.

Dari segi akhlak ataupun keagamaan, pada fikiran saya eloklah juga perkara mes dalam pasukan-pasukan askar ini patutlah dikaji semula supaya apabila kita pergi ke mes: Have a beer, itu sahaja. Samada pegawai pangkat tinggi atau pegawai pangkat rendah tidak tahu memberi lain, melainkan "have a beer".

Yang akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri yang berkenaan kerana menyediakan anggota-anggotanya dengan kemahiran sebelum bersara. Tetapi saya berseru kepada Kementerian yang berkenaan apa-salahnya kalau ditubuhkan satu tabung supaya selepas mendapat kemahiran, mereka bersara dan dapat meminjam wang daripada tabung ini dengan faedah-faedah yang sehabis-habis rendah supaya mereka ini selepas membuka uniform tidak bekerja sebagai buruh ataupun watchman di tempat-tempat yang lain. Dengan adanya satu tabung ini dan memberi faedah yang sehabis-habis rendah mungkin inilah satu cara untuk menggalakkan mereka berdiri di atas kaki mereka sendiri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Dungun dan selepas itu dua orang lagi. Setelah itu, saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.45 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Timbalan Menteri Pertahanan bagi mendapatkan peruntukan untuk Kementeriannya.

Tuan Pengerusi, perkara yang ingin saya sebutkan ialah pertama Kepala B. 22, Pecahan-kepala 1200 iaitu Elaun. Saya ingin menyebutkan berhubung dengan setengah-setengah bidang yang tertentu dalam askar ataupun tentera ini kerana ada perasaan kurang puas hati kerana ada beberapa orang yang terlibat perbezaan gaji antara satu pihak dengan satu pihak. Saya ingin membawa di sini tentang pegawai yang bertugas sebagai Leftenan dan Leftenan Muda. Keadaannya begini: Leftenan Muda adalah

lebih mahal gajinya daripada Leftenan, dengan sebab itu mereka ini menjalani kursus-kursus yang berlainan. Leftenan menjalani kursus lebih panjang daripada Leftenan Muda. Leftenan Muda sehabis-habis tinggi hanya 10 bulan, selepas itu mereka ditempatkan dalam jawatan terus, kedudukan gajinya terus naik, tetapi orang yang masuk bersama juga dia belum ditempatkan sebagai pegawai tersebut bahkan dia hanya berada dalam latihan ataupun dalam maktab selama dua tahun lebih. Jadi gajinya rendah. Leftenan Muda gajinya \$720 sedangkan Leftenan gajinya \$600. Itu perbezaannya. Kemudian mereka ini membuat rayuan kepada pihak atasan sehingga hari ini masih belum mendapat layanan lagi dan saya harap Menteri yang berkenaan mengambil perhatian khasnya dalam Navy dan Army yang mana sekarang ini saya rasa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tahu sekiranya dijalankan sedikit penyiasatan.

Perkara yang kedua yang ingin saya sebutkan ialah berkait dengan rancangan perumahan. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana sekarang kita melihat bahawa Kementerian Pertahanan memperuntukan wang yang begitu banyak bagi mengatasi masalah perumahan di kalangan tentera kita dan saya rasa insya Allah tentera kita akan berpuas hati dengan peruntukan yang diberi oleh pihak Kerajaan sebanyak ini dan mereka tidak akan bergaduh lagi di masa yang akan datang. Cuma kepada saya pun demikian juga, seperti sahabat saya yang lain tadi yang meminta supaya kedudukan pelan rumah ataupun bilik bagi tentera-tentera kita ini biarlah disesuaikan dengan anggaran anak yang lebih sedikit, sebab kebanyakan orang-orang kita ini anaknya bukan dua tetapi kebanyakannya empat ke atas. Jadi, kalau rumah itu biliknya kecil, keadaannya kurang memuaskan. Saya meminta supaya bilik itu dibanyakan sedikit (4 bilik) bagi jangka masa yang akan datang dan kita tidak perlu pinda lagi pada masa-masa yang akan datang. Ada bilik ibu dan bapanya anak dan beberapa orang lain. Kerana bila anak ramai kalau yang besar hendak dikumpulkan di satu bilik pun sulit juga. Saya berharap mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Perkara yang ketiga yang ingin saya sebutkan ialah berkait dengan Pengkalan T.U.D.M. di Subang. Saya pun terasa sebagaimana yang dikatakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat berhubung dengan kedudukan menempatkan pengkalan tentera bersama dengan pengkalan terbang awam.

Saya rasa kurang puas hati dengan hal ini kerana mungkin melibatkan keadaan yang sulit di masa hadapan kalau berlaku peperangan. Tambahan pula apakala di satu lapangan terbang yang selalu didarati oleh orang-orang luar, maka rahsianya itu mudah terbuka walaupun kita boleh mengadakan notis mengatakan di sini tak boleh ambil gambar dan sebagainya, tetapi kita tidak boleh yakin keadaan itu tidak boleh berlaku, kerana orang luar akan datang dan mengambil gambar di tempat yang berkenaan. Saya tidak tahu barangkali ada satu cara yang akan dibuat oleh Kementerian Pertahanan ini dengan menyorokkan line lapangan tentera di situ dengan satu cara seperti meletakkan line itu dengan dilindungi oleh pokok-pokok. Barangkali boleh dibuat begitu kerana saya pernah melihat di satu negeri yang suka berperang dengan kapal-terbang, landasan pendaratan itu diliputi oleh pokok-pokok. Jadi kapal terbang yang mendarat di lapangan terbang biasa tak nampak. Itu boleh jadi. Saya rasa kalau dibuat begitu mungkin baik, tetapi saya tidak begitu gembira dengan menempatkan pengkalan terbang tentera bersama dengan pengkalan terbang awam.

Perkara yang keempat, ialah berkenaan bekas tentera. Saya ingin sebutkan di sini mengenai mereka yang memasuki tentera dengan jangka pendek yang mana pada satu masa mereka itu akan dikeluarkan daripada tentera. Saya mengucapkan terima kasih tentang adanya rancangan melatih mereka ini di dalam jangka masa tertentu, 6 bulan atau lebih. Apa yang menjadi masaalah, selepas mereka dilatih itu kita tidak boleh meyakinkan bahawa mereka akan dapat berdikari ataupun dapat suatu pekerjaan di tempat yang lain. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri berkenaan mengadakan satu Bahagian Khas ataupun Yunit Khas iaitu orang-orang yang berhenti daripada tentera ini hendaklah ditawarkan satu pekerjaan di tempat yang lain. Kalau dia suka menjadi peneroka tanah, otomatik dia akan ditawarkan menjadi peserta FELDA, kalau dia suka menjadi pekerja dalam kilang, maka

dengan otomatik pihak Yunit Khas ini akan menghantarkan ke kilang-kilang, demikian juga kalau dia hendak menjalankan perniagaan sendiri terserahlah kepadanya.

Yang akhir sekali, ialah berkaitan dengan T.L.D.M. Kedudukannya sekarang tak banyak berperang kerana keadaan negara kita tak suka berperang, negara kita suka damai dan T.L.D.M. sekarang tugasnya yang paling besar ialah menjalankan rondaan. Saya percaya penuh T.L.D.M. ini telahpun menjalankan kegiatannya di mana dalam tahun 1973, 4,500 rondaan telah dijalankan di Semenanjung Malaysia ini. Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya mengarahkan T.L.D.M. membanyakkan rondaan di sebelah Pantai Timur khususnya di Trengganu, kerana sekarang ini rondaan tidak sentiasa ada, apakala sibuk kaum nelayan kena curi bubunya, kena curi alat-alat tangkapan ikan, maka barulah pasukan T.L.D.M. pergi meronda. Saya minta supaya pada masa hadapan acap-acap kali rondaan dibuat.

Saya syorkan selain daripada itu hendaklah diambil sebuah pulau di Negeri Trengganu untuk dijadikan tempat bagi menempatkan pengkalan rondaan walaupun secara sementara bagi tentera-tentera laut kita di sana supaya dengan mudah mereka dapat melakukan rondaan kerana pengkhianat-pengkhianat nelayan di Pantai Timur itu selalu merosakkan bubu, merosakkan umpan ikan, mereka memang takut benar dengan tentera laut kita. Sebab mereka tahu sekiranya tentera laut kita hendak datang sehari lagi, mereka sudah tidak ada lagi, sudah lesap dan hilang, tetapi selepas tentera laut balik setelah menjalankan rondaan dan pulang ke markasnya maka pengkhianat-pengkhianat itu akan datang semula. Hal ini memang dirasakan oleh nelayan di tempat saya sehingga bubu-bubu mereka hilang, umpan ikan itu hilang. Harga umpan ikan itu mahal, sampai berpuluh-puluh ringgit, bubunya juga berpuluh-puluh ringgit. Kalau seseorang tuan punya motor mempunyai 50-60 bubu kehilangan alat-alat itu sangatlah banyak kerugiannya dan ini amatlah mendukacitakan dan diharap T.L.D.M. dapat menolong mengawasi keadaan di laut Pantai Timur khususnya di Trengganu, apatah lagi di tempat saya di Dungun yang selalu benar kehilangan bubu.

3.56 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Kepala B. 22, Pecahan-kepala 1100, muka surat 167 di dalam Buku Belanjawan di bawah Aktiviti (4) Latihan. Saya hendak bercakap dengan ringkasnya, dan di sini saya minta izin untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, other than education, the share of defence is the biggest in the Government's expenditure for 1975. However, we must never lose sight of the fact that defence in any country is not merely a military problem but also largely a political problem. Unless we can see the problems of defence in the right political perspective, no amount of military hardware or military personnel is likely to prove a great defence force or capability.

A country can possess the most expensive and elaborate military equipment, but without national unity, they will all come to nought. The primary task, even from the defence point of view, Mr Chairman, Sir, is to promote the national unity of the people in this country by pursuing economic, political, social and cultural policies which will bring the Malaysians of different races together.

Tuan Pengerusi, the defence of a country must finally depend on the will, determination and patriotism of the people. For a small country like Malaysia, the best defence policy is to have a people's militia and to train every Malaysian citizen, regardless of race, into a soldier, seaman or airman.

I, therefore, propose the early introduction of compulsory two-year national service for every Malaysian, so that the youths of this country will not only be trained in the defence of this country but will also go through a common crucible of experience from which a Malaysian national identity and consciousness can be promoted.

It would be recalled that some two years ago, during a visit to Switzerland, our Prime Minister himself said that he was impressed by the Swiss system of defence involving the creation of a people's militia where every able-bodied citizen would rally to the defence of the nation in the event of any external threat or invasion. Our Prime Minister

stated that the Malaysian Government would make a study into the Swiss defence system for possible adoption in Malaysia. Two years have gone by, and we have yet to hear from the Government whether it would be possible to implement the Swiss form of defence in our country. I call on the Deputy Minister of Defence to clarify the position when he replies to the observations made by Honourable Members of this House.

Tuan Pengerusi, my party is convinced that if our Government wants to have the best and most effective form of defence in our country, then there should be no hesitation on the part of the Government to introduce and implement the Swiss system of defence for Malaysia. With this view in mind, I, therefore, urge the Government to see to the early introduction of a two-year compulsory National Service for all Malaysians.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Aktiviti (2) berkenaan dengan Perkhidmatan Tentera. Di bawah perkara ini saya hendak menyentuh atas Tentera Laut.

Tuan Pengerusi, on the subject of Armed Services, I wish to draw the attention of the Ministry concerned to the increasing hardship and suffering of more than 4,000 fishermen in Malacca who are frequently harassed and sometimes robbed by pirates along the high seas. To enable our fishermen to fish in safety in order to earn a livelihood for their survival, I urge the Ministry of Defence to protect these fishermen by instructing our patrol boats of the Royal Malaysian Navy to be on regular duty along the Straits of Malacca to prevent any possible robbing and looting by pirates. In this respect, more patrol boats should be purchased and duly equipped to increase the number of sea patrols.

Tuan Pengerusi, di bawah Aktiviti (1) mengenai Pentadbiran Pertahanan, saya ingin sentuh sedikit tentang gaji kakitangan Awam di dalam Kementerian ini.

On the subject of Defence Administration, I would like to state that the salary scheme of the Civilian Staff in MINDEF need to be revised in the wake of the spiralling cost of living in our country. A pay rise for these staff will certainly result in greater efficiency in administering this important Ministry.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, to carry out the many important objectives of the Ministry of Defence, our country needs a proper and full-time Minister of Defence. It is a matter of regret that although this Ministry gets the second biggest share in the Government's expenditure, we have yet to see a full-time Minister to look after the responsibilities of this Ministry. Our Prime Minister still takes on the portfolio of Acting Defence Minister after the refusal by the Chief Minister of Sabah to accept the appointment as Minister of Defence. With due respect to our Prime Minister who is already heavily loaded with heavy responsibilities, we feel that the time has come for the Government to have a new proper and full-time Minister of Defence.

4.02 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya adalah menyokong penuh peruntukan Perbekalan Kepala B. 22 bagi Kementerian Pertahanan yang berjumlah \$1,018,045,269.

Tuan Pengerusi, saya juga menyokong apa yang telah dicakapkan oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Dungun tadi mengenai rondaan laut. Saya suka menarik perhatian kepada Kementerian yang berkenaan supaya menambahkan lagi rondaan di laut terutama di kawasan-kawasan perairan di Selat Melaka kerana kawasan ini adalah bersempadankan tiga buah negara, iaitu Thailand, Indonesia dan Malaysia dan di sini ialah kawasan penangkapan ikan yang paling besar di Malaysia hari ini. Jadi patutlah ditambah lagi rondaan-rondaan di laut untuk menjaga keselamatan nelayan-nelayan kita di kawasan itu kerana nelayan-nelayan kita itu sentiasa mendapat gangguan-gangguan daripada lanun-lanun dan kadangkang sesama nelayan sendiri, iaitu nelayan pukut kecil dan pukut tunda. Sekiranya pihak Tentera Laut Di Raja Malaysia kita sentiasa berada di situ maka kejadian-kejadian yang tidak kita ingini tidak akan berlaku lagi.

Perkara yang kedua, selama ini tentera kita hanya mendapat latihan daripada negara-negara Barat sahaja, samada daripada segi latihan tentera, daripada senjata-senjata yang kita gunakan hanya kita dapatkan daripada negara Amerika, daripada Eropah tetapi keadaan dunia sentiasa berubah. Hari ini senjata-senjata yang direka

oleh pihak Soviet Union misalnya, daripada negara-negara komunis adalah terbukti mengagumkan kalau hendak kita katakan lebih baik barangkali sama baik dengan negara-negara Barat. Buktinya dalam Peperangan Timur Tengah yang baru lalu senjata-senjata yang digunakan oleh negara Arab yang dibekalkan oleh pihak Soviet Union adalah lebih berkesan (effective) dalam menentang senjata-senjata yang dipunyai oleh Israel, iaitu yang dibekalkan oleh negara Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, saya berseru dan menarik perhatian Kementerian Pertahanan supaya mengkaji masaalah ini kerana boleh jadi satu masa oleh sebab keadaan dunia ini berubah-ubah mungkin politik Amerika satu hari nanti akan bercanggah, akan bertentangan dengan negara kita. Maka pada satu masa kelak dan kemungkinan pihak Amerika pihak yang membekalkan senjata kepada kita pada hari ini akan menahan senjata-senjata daripada negaranya daripada dibekalkan kepada negara kita. Oleh yang demikian, pada pendapat saya eloklah mulai dari sekarang dan sampailah ketikanya kita meneroka pula ataupun meneliti atau mengkaji samada elok atau tidak kita melatih askar-askar kita di negara-negara Blok Timur dan mendapatkan senjata-senjata. Kalau tak dapat kita beli dengan banyak sekurang-kurangnya sebahagian kecil daripada senjata-senjata untuk askar kita ini patut kita dapat bekalan-nya daripada negara-negara yang berkenaan.

Selain daripada kita dapat menggunakan berbagai-bagai senjata dan dapat dua tiga punca bekalan senjata, jika ada persaingan dalam sesuatu pertandingan maka di dalam perniagaan ini biasanya harganya akan murah. Maksud saya kalau ada pertandingan itu ialah kalau ada dua buah kedai yang menjual sama barang maka kita akan dapat harga yang murah. Kalau kita hanya menumpukan bekalan kita kepada negara-negara Barat, maka negara-negara Barat akan memainkan peranannya menekan harga yang bukan-bukan kepada kita tetapi kalau kita mula menunjukkan minat bahawa kita juga berminat untuk mendapatkan kita pun tahu ada negara-negara lain yang dapat membuat senjata yang lebih baik, maka negara-negara yang menjadi pembekal kita pada hari ini akan berfikir dua kali untuk menetapkan harga-harga senjata yang kita hendak dapatkan daripada negara mereka.

Perkara yang ketiga, perkara yang tidak berat. Sungguhpun tidak berat tetapi patut mendapat perhatian daripada Kementerian Pertahanan iaitu mengenai penempatan askar-askar di Pulau Pinang, iaitu di kawasan saya di Sungai Ara. Masalah yang berbangkit di sana bukanlah masalah tempat itu kecil atau tidak sesuai, tetapi masalahnya ialah masalah sosial yang berbangkit kerana di Sungai Ara, di Bayan Lepas itu adalah juga Pusat Perusahaan Letronik. Ramai gadis-gadis dari Perak Utara, Kedah, Perlis dan Kelantan yang bekerja di kilang-kilang letronik hingga waktu malam mengikut shift. Askar-askar atau perajurit-perajurit kita ini pada waktu malam selalu pergi ambush pekerja-pekerja letronik yang balik waktu malam ini. Kita bukanlah menahan ataupun hendak cuba mencegah ataupun tidak beri peluang langsung perajurit kita ini mengadakan hubungan sosial dengan gadis-gadis itu tetapi kalau tuan-tuan perhatikan sendiri maka kita nampak sangat menjolok mata. 4-5 orang dengan menaiki motosikal Honda pergi ambush betul-betul gadis-gadis kita yang baru hendak balik dari bekerja hingga berlaku gadis-gadis ini tak mahu lagi atau takut hendak bekerja pada waktu malam. Ini barangkali merugikan negara kita juga kerana gadis-gadis ini selain daripada mencari mata pencariannya di kilang-kilang itu dan menambahkan kemakmuran kepada negara kita. Jika gadis-gadis ini bimbang dan takut hendak bekerja pada waktu malam peluang-peluang mereka untuk bekerja di kilang-kilang itupun akan terlepas begitu sahaja.

Selain daripada itu pihak orang-orang kampung, masyarakat kampung di sana memandang pada askar-askar ini tidak begitu elok. Jadi hubungan dengan orang-orang kampung sudah retak dan menjadi salah faham. Banyak orang-orang kampung di sana menganggap bahawa askar-askar ini begitu ganas hingga tidak mengira anak isteri orang. Akibat ini saya fikir kalau kita biar-kan berlanjutan maka saya bimbang perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku.

Saya harap pihak Kementerian Pertahanan akan dapat mengambil perhatian dalam perkara ini kerana perkara ini sudahpun saya sendiri membawa kepada ketua kem di kawasan itu, tetapi selepas kita membuat aduan itu kita dapati ketuanya pula mem-bawa 4-5 orang gadis dalam motokarnya

sendiri pergi makan angin. Jadi kepada siapa lagi kita hendak adukan perkara-perkara ini hanya kepada Kementerian yang berkenaan sahaja.

4.10 ptg.

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai perkara yang berkaitan dengan belanjawan Kementerian Pertahanan dan juga atas sokongan dan pandangan mereka kemukakan di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Besut telahpun mengemukakan cadangan supaya Angkatan Tentera ini menjalankan satu kajian untuk memperbagaikan fungsi tentera kita iaitu bukan semata-mata untuk berperang. Dalam perkara ini, ingin saya menjelaskan bahawa fungsi Angkatan Tentera kita bukanlah semata-mata untuk berperang walaupun ini adalah tugas yang pertama. Fungsi ini telahpun dipelbagaikan seperti menolong mangsa-mangsa banjir dan berganding bahu dengan rakyat secara bergotong-royong membuat jalan-jalanraya, jambatan-jambatan dan lain-lain lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Besut telah juga menyentuh dalam memperbagaikan tugas-tugas tentera ini supaya Angkatan Tentera bercucuk tanam dan sebagainya. Angkatan Tentera kita adalah sangat berat tugas-tugas mereka. Mereka sentiasa menjalankan operasi dan di samping itu perlu pula berlatih dari masa ke semasa. Masa yang ada pada mereka adalah terhad. Walau bagaimanapun syor itu akan diberi pertimbangan.

Berkenaan dengan cadangan supaya diadakan pertukaran antara pasukan, perkara ini memang dijalankan di mana yang boleh, tetapi tidaklah dengan meluas kerana Angkatan Tentera di zaman moden adalah fesialisasinya. Jadi adalah tidak praktik untuk menukarkan anggota Pasukan Angkatan Tentera.

Berkenaan dengan rahsia bocor pula, memanglah pihak tentera mencuba sedaya upaya untuk mengelakkan daripada berlakunya kebocoran itu.

Penyerapan pegawai tetap dan jurulatih tetap Askar Wataniah, perkara ini adalah sedang dijalankan.

Tentang kegiatan ugama, memanglah perkara ini digalakkan.

Ahli Yang Berhormat dari Besut juga menyentuh berkenaan dengan bekas Askar Wataniah yang telah dikerah berkhidmat sepenuh masa juga diberi pertolongan untuk mendapatkan pekerjaan. Sekarang ini bekas-bekas Askar Wataniah yang dikerah berkhidmat sepenuh masa selama lebih daripada 12 bulan adalah diberi pertolongan untuk mendapatkan pekerjaan.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, untuk pembetulan. Saya tidak menyebut anggota-anggota askar . . .

Tuan Pengerusi: Sabar. Kalau hendak menegaskan berkenaan dengan di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (b) untuk penjelasan, saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri samada beliau memberi jalan atau tidak.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Saya hendak membetulkan apa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi: Sabar dahulu! Baiklah, Yang Berhormat Timbalan Menteri beri jalan.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Saya menyebut tadi anggota-anggota Askar Wataniah yang tidak dikerah berkhidmat sepenuh masa. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab anggota-anggota yang dikerah. Itu salah sedikit.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila teruskan.

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Mengenai dengan perkara ini, saya mohon selidiki apabila saya balik ke Kementerian nanti.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telahpun memberi pandangan untuk menempatkan khas satu batalion di Perlis. Askar-askar ditempatkan di kem masing-masing yang dipilih mengikut keperluan dan sesuainya satu-satu tempat itu. Akan tetapi untuk satu-satu operasi di mana ada tindakan keselamatan mereka dihantar ke kem hadapan.

Kem-kem seperti itu adalah kem sementara dan tidaklah boleh dibina dengan cara-cara yang terlalu mewah kerana kem-kem itu akan ditinggalkan selepas operasi.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga ada menyentuh mengenai dengan elaun yang dibayar kepada sukarelawan/sukarelawati Askar Wataniah tidak mencukupi. Atas perkara ini sukalah saya menerangkan bahawa Kementerian saya telahpun menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji perkara ini dan membuat syor-syornya.

Mengenai dengan berlakunya kematian askar-askar isterinya dibayar pencen dan sagu hati. Pembayaran ini dibuat dengan syarat janda itu tidak boleh berkahwin dan anak-anak diberi saraan yang cukup sehingga tamat persekolahan. Atas perkara ini sukalah saya menerangkan bahawa mengikut peraturan-peraturan yang berkuatkuasa sekarang seorang balu anggota-anggota Angkatan Tentera yang meninggal dunia semasa dalam menjalankan tugas adalah diberi pencen. Selain daripada itu anak-anak anggota tentera yang meninggal dunia itu adalah juga diberi elaun pelajaran dan kemudahan ini adalah diberikan sehingga anak itu menamatkan pelajaran sehingga ke universiti juga ada mereka yang dapat melanjutkan pelajaran ke universiti atau pusat-pusat pengajian tinggi. Elaun pelajaran ini diteruskan tidak kira samada ibu anak itu berkahwin semula atau tidak. Pencen yang dibayar kepada balu anggota yang meninggal walau bagaimanapun adalah diberhentikan jika balu itu kahwin semula. Ini adalah kerana dengan berkahwin semula balu itu telahpun mendapat seorang "bread-earner" yang lain dan tidak lagi bergantung kepada bantuan Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyentuh mengenai dengan pengkalan Tentera Laut di Lumut. Ahli Yang Berhormat mengharapkan masa pembinaannya dapat dipercepatkan memandangkan keadaan sekarang ini. Di dalam rancangan pembinaan Pengkalan Laut Lumut ini Kerajaan telah sedaya-upaya mengambil ingatan supaya Tentera Laut Di Raja Malaysia dipindahkan ke Lumut dengan secepat mungkin. Penyiapan pembinaan dalam tahun 1980 adalah secepat yang boleh dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor juga telahpun menyentuh berkenaan dengan gaji anggota tentera yang dikatakan-nya tidak seimbang dengan tugas dan tanggungjawab mereka. Atas perkara ini Jawatankuasa Tan Sri Sheikh Abdullah telahpun menjalankan kajian yang mendalam dan teliti. Semua aspek telah dikaji oleh Jawatankuasa itu, termasuklah antaranya tanggungjawab, tugas dan kelayakan. Perakuan-perakuan Jawatankuasa itu adalah seimbang dengan gaji dan kemudahan-kemudahan yang diberi kepada kakitangan dalam perkhidmatan pada keseluruhannya.

Dalam pembelian alat-alat yang berjumlah berjuta-juta ringgit Ahli Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya Kementerian Pertahanan harus memberikan perniagaan ini kepada pembekal-pembekal bumiputra dan jangan kepada pemborong-pemborong yang tertentu sahaja. Sebagai mematuhi dasar Kerajaan iaitu Dasar Ekonomi Baru, Kementerian Pertahanan sentiasa mengutamakan pembekal-pembekal bumiputra di dalam segala pembelian alat-alat yang dilakukan. Kementerian saya tidak akan memberi tender-tender dan sebutharga-sebutharga kepada sebilangan kecil pembekal-pembekal sahaja. Tender ini disebarkan kepada pembekal-pembekal supaya ramai dapat peluang memberi bekalan kepada Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai telahpun meminta Kementerian Pertahanan menguatkan dakwah di kalangan Angkatan Tentera. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana mengambil perhatian berat yang telah diberikan terhadap Angkatan Tentera kita. Di dalam perkara dakwah yang dicadangkan memanglah Kementerian saya mengambil berat dan sebenarnya ajaran agama Islam adalah diberi dan diamalkan dengan bertambah lagi. Selain daripada mengadakan pertandingan bacaan Al-Quran Angkatan Tentera, majlis tahlil dan syarahan agama adalah bertambah-tambah dari setahun ke setahun. Perasaan keislaman adalah bertambah kuat di kalangan ahli-ahli Angkatan Tentera dan moga-moga dengan kerjasama semua pihak akan diperkuatkan lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Jasin telahpun mencadangkan supaya Pasukan Gerak Khas Malaysia hendaklah diperbesarkan. Saya

sendiri adalah sedang mengkaji perkara ini dan insya Allah satu keputusan akan dibuat tidak berapa lama lagi.

Ahli Yang Berhormat itu juga telahpun mencadangkan supaya Kementerian Pertahanan membeli lebih banyak helikopter daripada kapalterbang-kapalterbang besar. Saya mengucapkan terima kasih di atas nasihat Ahli Yang Berhormat untuk keselamatan negara kita mestilah mempunyai alat yang tertentu mengikut proportional requirement Angkatan Tentera. Kita tidak hanya membeli kapalterbang untuk guna mengangkut, tetapi juga untuk lain-lain tugas seperti latihan dan pertahanan udara. Helikopter memang digunakan dan Kementerian sudahpun menambahkan bilangan helikopter ini mengikut kemampuan kita. Latihan helikopter ini sekarang kita jalankan sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Jasin juga telahpun mencadangkan supaya jalan-jalan yang akan diambilalih oleh Angkatan Tentera perlu diperbaiki. Kedua rumah-rumah yang dibuat bagi Ahli Angkatan Tentera perlu dibina dengan cara yang sesuai untuk mereka yang ada banyak anak. Cadangan yang ketiga—Kementerian membeli kapalterbang atau helikopter; cadangan yang ketiga ini saya sudah berikan penjelasan.

Mengenai dengan jalan-jalanraya, jalan-jalan yang membawa ke tempat latihan jika diusahakan oleh Angkatan Tentera akan ditimbangkan untuk diperbaiki. Rumah-rumah untuk ahli-ahli Angkatan Tentera adalah dibina mengikut pangkat pegawai-pegawai berkenaan. Ada beberapa bentuk rumah yang dibina mengikut sukatan yang tertentu dan yang sehabis kecil sekali ada dua buah bilik yang serupa dengan apa yang digunakan oleh anggota awam Kerajaan dan dikenali seperti Kelas G.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh mencadangkan supaya Kementerian Pertahanan menggunakan banyak senjata-senjata light arms. Beliau menyatakan adalah didapati senapang jenis S.L.R. tidak sesuai bagi Angkatan Tentera kita, malah jenis Armlite yang dikeluarkan oleh syarikat Colt itu adalah lebih sesuai. Kementerian Pertahanan telah menggunakan senjata senapang jenis S.L.R. semenjak tahun enam-puluhan lagi dan penggunaannya itu adalah didapati memuaskan. Senapang jenis Armlite yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat

itu sebagai buatan dari syarikat Colt tidaklah diketahui, akan tetapi mungkin senjata senapang ini mempunyai ukur laras yang tidak sama dengan senapang S.L.R. dan penggunaannya oleh Angkatan Tentera perlu diselidiki terlebih dahulu.

Ahli Yang Berhormat juga telahpun menyentuh mengenai dengan base di Subang yang tidak begitu sesuai kerana ini boleh menjadi tempat tumpuan musuh di dalam peperangan. Pengkalan TUDM di Subang bukanlah pengkalan untuk kapalterbang pejuang, bahkan untuk kapalterbang pengangkutan dan adanya pengkalan itu di sana tidak akan menambah kepada merbahayanya lapanganterbang awam di dalam satu-satu peperangan. Di dalam peperangan manamana lapanganterbang tentera dan awam akan menjadi sasaran musuh. Kawalan yang sesuai tentu akan diambil di waktu terjadi peperangan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh mengenai kenderaan Kerajaan tidak patut digunakan oleh isteri-isteri pegawai awam. Berkenaan dengan kenderaan-kenderaan Kerajaan yang digunakan oleh Pegawai-pegawai Kerajaan sendiri atau isteri masing-masing perkara ini memang tidak dibenarkan dan kalau ada sekalipun mereka itu terpaksa membayar denda. Cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil ingatan.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menyentuh soal latihan dan mendapatkan senjata serta alat-alat dari negeri-negeri barat sahaja. Perkara ini adalah tidak betul. Kita juga ada menghantar pegawai-pegawai ke negeri-negeri lain seperti Indonesia, India, Pakistan dan lain-lain negeri yang bukan negeri barat. Mengenai senjata pula kita sentiasa mengkaji pengeluaran senjata-senjata baru dari semua negeri dan kita beli mana yang lebih sesuai dari segi penggunaan dan harganya. Tender-tender adalah terbuka kepada semua dan sukacita saya memberitahu Dewan bahawa kita ada menggunakan senjata yang dikeluarkan oleh sebuah negara komunis.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, oleh kerana beliau telah berucap dalam bahasa Inggeris, biarlah saya menjawab pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat itu dalam bahasa Inggeris juga.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, the budget that I have tabled before the Honourable Members today is for the defence activity and not for the national unity activity, and therefore I am not prepared to touch on that aspect.

As to the suggestion to introduce national service, I do not see the necessity to introduce it now because of the fact that it will not only be incurring much more expenditure but also we are not lacking in the number of volunteers who have come forward to serve in our Territorial Army and the Local Defence Corps.

Moreover, to train and equip infantrymen is not a cheap business, and during difficult times it is better to train some men to be good and able soldiers rather than to train all men to be half baked soldiers. However, if the Honourable Member or any others wish to volunteer for the Territorial Army or the Local Defence Corps, I shall be pleased to consider it.

The difficulties of fishermen being harassed by pirates are few and far between, and we are aware of this incidence and we will take necessary action on this matter.

Regarding the salary of the civilian staff, this will be looked into just like that of other civilian staff in the other Ministries.

I thank the Honourable Member for being so thoughtful in regard to the burden shouldered by our Honourable Prime Minister as Prime Minister and Minister of Defence. The Honourable Prime Minister knows best how much responsibility he can carry out and I have not the slightest doubt that he can also take charge of the Ministry of Defence.

Saya rasa begitulah jawapan ataupun penjelasan yang dapat saya berikan pada hari ini dan sekiranya penjelasan yang saya berikan itu tidak mencukupi dan tidak memuaskan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan itu, Kementerian saya dan saya sendiri sentiasa menerima apa-apa cadangan ataupun permohonan bagi penjelasan yang lebih lanjut di masa-masa yang akan datang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$800,000,000 untuk Kepala B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$218,045,269 untuk Kepala P. 22 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1975.

Kepala B. 25 (Jadual)—

Kepala P. 25 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

4.40 ptg.

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Pengerusi, saya minta izin untuk mengemukakan perbelanjaan bagi tahun 1975 di bawah Kepala Bekalan 25, Kementerian Luar Negeri berjumlah \$32,142,180 untuk diluluskan.

Saya akan kemukakan Perbelanjaan Mengurus dahulu dan selepas itu Perbelanjaan Pembangunan.

Dari jumlah Anggaran Perbelanjaan ini sejumlah \$30,747,150 diperlukan untuk Perbelanjaan Mengurus dan \$1,395,030 untuk Perbelanjaan Pembangunan dan saya akan bincang berasingan.

Pertamanya, berkenaan dengan Perbelanjaan Mengurus, ini dipecahkan kepada tujuh aktiviti-aktivitinya seperti berikut:

- (1) Pentadbiran;
- (2) Politik;
- (3) Penerangan Luar Negeri;
- (4) Konsular;
- (5) Ekonomik dan Kerjasama Daerah;
- (6) Perhubungan dan Keselamatan;
- (7) Protokol.

(1) *Pentadbiran Am*

Sejumlah \$12,100,500 diperlukan untuk menemui tanggungan di bawah aktiviti ini. Dalam tahun 1974, peruntukan berjumlah \$13,271,430 diluluskan termasuk peruntukan tambahan sebanyak \$2,660,000 untuk menanggung perbelanjaan Persidangan ke Lima Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam. Peruntukan biasa tahun 1974 ialah \$10,611,430 dan tambahan sejumlah \$1,489,070 diperlukan untuk 1975 supaya dapat menemui:

- (a) kenaikan belanja mengurus disebabkan oleh kenaikan harga-harga di seluruh dunia;

- (b) kenaikan perbelanjaan untuk gaji kakitangan-kakitangan tempatan oleh kerana penyemakan semula tangga gaji; dan
- (c) perlaksanaan secara penuh elaun-elaun sara hidup yang baharu diluluskan bagi pegawai kita di seberang laut.

(2) *Politik*

Jumlah sebanyak \$12,433,450 adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan untuk aktiviti yang utama di Kementerian Luar Negeri; tambahan sebanyak \$907,636 kepada peruntukan tahun 1974 dijangkakan.

Di dalam 4 tahun yang sudah semenjak Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak mengambil alih teraju Kerajaan Negara ini, dasar luar negeri Malaysia telah diaktifkan dengan satu semangat kejayaan. Negara kita telah mengkokohkan perhubungan diplomatik dengan kebanyakan negeri-negeri Socialis di dunia dan kita telah mengeratkan tali persahabatan dengan jiran-jiran kita di Asia Tenggara, dengan negara berkecuali Dunia Ketiga dan dengan negara-negara Islam. Penuh perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China usaha-usaha kita menjadi tuan rumah Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam adalah kejayaan cemerlang di dalam bidang dasar luar negeri untuk tahun ini.

Melalui cara-cara ini, kita telah dapat menguatkan lagi kedudukan non-alignment dan perkecualian kita dan dengan demikian berusaha sepenuh-penuhnya untuk mengadakan perhubungan persahabatan dengan semua negara-negara, tidak kira perbezaan sistem sosial dan politik dalam negeri ini.

Pada tahun akan datang kami berharap supaya dapat melanjutkan usaha-usaha kami dari apa-apa asas yang telah didirikan dan dapat memberi kenyataan kepada dasar keamanan, kemajuan dan kewajipan kita kepada tujuan-tujuan dan prinsip-prinsip Bangsa-bangsa Bersatu dengan cara menyokong perkembangan konsep kedaerahan Asia Tenggara, mengkokohkan dasar perkecualian, mengeratkan lagi perpaduan negara-negara Islam serta mengusahakan kerjasama ekonomi yang

berkesan terutama sekali dalam konteks tanda-tanda kemelesetan yang menyerang ekonomi dunia pada saat ini.

(3) *Penerangan Luar Negeri*

Sejumlah \$2,740,000 diperlukan untuk aktiviti ini pada tahun 1975. Ini adalah tambahan sebanyak \$107,085 kepada peruntukan yang diluluskan pada tahun 1974.

Kementerian Luar Negeri diberi tugas-tugas menyebarkan maklumat-maklumat yang betul mengenai Malaysia dan polisi-polisinya kepada negeri-negeri asing. Penyebaran ini biasanya ditujukan kepada halyak tertentu terutama sekali pemimpin-pemimpin awam, wartawan-wartawan, ahli-ahli akedamik dan lain-lain kumpulan yang berpengaruh. Semua bidang kestabilan politik, dasar luar negeri, dan kejayaan sosial dan ekonomi Malaysia disebarkan dengan tujuan untuk mendapat kesan yang baik untuk negara, persefahaman dan sokongan di luar negeri.

(4) *Konsular*

Peruntukan sebanyak \$688,000 diperlukan untuk aktiviti ini.

Fungsi-fungsi utama aktiviti ini secara ringkas adalah seperti berikut:

- (a) tugas-tugas Konsular berkenaan dengan pengeluaran paspot-paspot diplomatik dan rasmi kepada pegawai-pegawai yang tertentu, pengeluaran visa kepada pelawat-pelawat yang datang ke Malaysia, dan membuat peraturan mengenai "rapatriation" dan membuang negeri orang asing yang tidak diingini di Malaysia;
- (b) menguruskan Perjanjian-perjanjian Pemansuhan Visa dengan negeri-negeri lain dan
- (c) menguruskan perlantikan "honorary consul" di beberapa tempat di dunia untuk melindungi dan menjaga kepentingan kita.

(5) *Ekonomi dan Kerjasama Daerah*

Jumlah yang diperlukan untuk tahun 1975 ialah sebanyak \$270,200. Aktiviti ini dijalankan oleh Bahagian Ekonomi dan Sekretariat ASEAN di Wisma Putra. Tugas utamanya ialah untuk mencapai dan melindungi kepentingan ekonomi Malaysia di seberang laut dengan memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk mengeratkan lagi kerjasama daerah di antara negeri-

negeri anggota ASEAN, sebagaimana dinyatakan di dalam ucapan Perdana Menteri di Majlis pembukaan Sidang Bersama Jawatankuasa Tetap dan Setiausaha Agong serta Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN yang diadakan pada 22hb Oktober, 1974 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sekretariat ASEAN telah mengambil beberapa langkah untuk mencapai tugas ini dan kegiatan-kegiatan yang lebih berkesan akan dibuat di dalam tahun akan datang.

Bahagian Ekonomi terlibat penuh dalam fungsinya untuk mendapat lebih banyak lagi bantuan ekonomi dan kewangan untuk memenuhi keperluan kita melalui ajensi-ajensi di bawah Bangsa-bangsa Bersatu seperti UNCTAD, GATT, ECAFE, FAO dan lain-lain lagi. Bahagian ini terlibat juga dengan tugas bersabit dengan Perjanjian-perjanjian Perdagangan, Perjanjian Kerjasama Teknik, Perjanjian Cukai Dua Kali dan Perjanjian Perkhidmatan Udara dengan beberapa buah negara lain.

Dalam tahun hadapan, beban kerja di bawah aktiviti ini dijangka akan bertambah lebih banyaknya lagi.

(6) *Perhubungan dan Keselamatan*

Di Wisma Putra, bahagian ini menjalankan fungsinya di sekitar perhubungan melalui perkhidmatan telegraphic, telex, talipon dan bag-bag diplomatik di antara Wisma Putra dan perwakilan-perwakilan diplomatik dan konsular kita di luar negeri dengan cepat dan selamat. Bahagian ini juga diberi tanggungjawab mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk menjamin keselamatan keseluruhannya.

Peruntukan sebanyak \$2,015,000 diperlukan bagi aktiviti ini untuk tahun 1975.

(7) *Protokol*

Sejumlah \$500,000 diperlukan bagi tahun 1975 untuk aktiviti ini.

Kegiatan yang utama Bahagian Protokol di Wisma Putra ada berkaitan dengan perkara-perkara yang berkait dengan hal-hal immuniti dan keistimewaan-keistimewaan diplomatik dan konsular yang diberikan kepada anggota-anggota "diplomatic

corps" yang bertugas di Malaysia, pengaturan lawatan-lawatan negara oleh dhaif-dhaif kehormat luar negeri ke Malaysia, dan lawatan-lawatan oleh dhaif-dhaif kehormat Malaysia ke luar negeri. Bahagian ini juga bertanggungjawab dengan penyimpanan dan pentafsiran dari segi undang-undang semua perjanjian-perjanjian yang ditandatangani oleh Malaysia.

Sekarang saya sampai kepada tajok Perbekalan Pembangunan bagi tahun 1975. Ahli-ahli yang Berhormat akan melihat bahawa peruntukan sebanyak \$1,395,030 diperlukan untuk perkara-perkara berikut:

- (a) projek-projek yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua yang sedang dijalankan; dan
- (b) projek-projek baharu yang diluluskan melalui penyemakan semula Rancangan Malaysia Kedua.

Kebanyakan daripada projek-projek ini akan siap pada tahun penghujung 1974 meninggalkan projek-projek yang berikut untuk diuruskan:

(a) *Belgrade*

Sebidang tanah untuk pembinaan kediaman rasmi Duta Besar akan dibeli dalam tahun 1975.

(b) *Jakarta*

Peruntukan sebanyak \$1,000,000 bagi 1975 ialah untuk memperolehi sebidang tanah seluas 2½ ekar di dalam kawasan "diplomatic enclave" di Jakarta untuk pembinaan kediaman rasmi Duta Besar dan Bangunan Canseri. Ini adalah di antara cadangan-cadangan yang akan dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

(c) *Islamabad*

Projek membina bangunan Canseri dan rumah kakitangan akan dikemukakan bagi pertimbangan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Kementerian Luar Negeri bergiat menimbang kebolehan untuk membina atau memperolehi bangunan-bangunan Canseri dan unit-unit rumah kakitangan-kakitangan kita di Jeddah dan Bonn.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesyuarat ditempokkan selama 20 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 5.00 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.13 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

5.13 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing (Kinta): Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh Kepala B. 22 di bawah Pecahan-kepala 1100 dan saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I would not have spoken today if not for the fact that I was quite tickled by the short introduction given by the Honourable Minister concerned.

Mr Chairman, Sir, there is no doubt that this Ministry has had a very important role to play especially during the past two or three years, in that Malaysia at last saw the light of day by establishing diplomatic relations with countries like the People's Republic of China, and, of course, many other East European countries.

Sir, I think that it is necessary for us to go back into the history for a couple of seconds. We all could recall that during the time of the then Prime Minister, Tunku Abdul Rahman, Malaysia more or less was toeing the British line. It was during the time of the then Prime Minister, Tunku Abdul Rahman, that this whole idea of making friends and establishing diplomatic relations with other countries of the world, especially with the Socialist countries—that was the term used by the Minister—first began to take root. Sir, these happenings in the past ten years, or in the last decade, especially the changing events in the world and more so in peninsular South-east Asia, had a tremendous impact on us. We were then very dependant on the British for our defence, and it was not until the British pulled back west of Suez that we realised for the first time that we were sitting on a bed of nails; and that was when the British decided to pull out east of Suez under the then Labour Government of Mr Harold Wilson. We found that unless we worked out a viable foreign policy, we would be in trouble in this part of the world; and more

so, especially those in the ruling party in the past five years were very much influenced by the so-called American propaganda—or we can call it the American concept of the “Domino theory”—wherein it was stated that unless the Americans could contain Communism in Vietnam, the whole of South-east Asia—and that includes Malaysia, Thailand and so on—would fall into the hands of the Communists.

Sir, that whole idea of the “Domino theory”, of the fear of militant communism as represented by the heroic people of North Vietnam spilling over to the other parts of South-east Asia, led us to begin to think seriously of a so-called policy of non-alignment. But, Sir, we must not forget that when we talk of non-alignment, neutralisation or neutrality, all these political concepts, if I may say, speak of war. Each of these concepts, Sir, is a paradox of war, and each of these concepts represents a Cold War point of view. But today, as we all know, the Cold War has mellowed down. Today, as we all know, the Cold War is no longer the issue of the day. I do not quite understand, and perhaps the Minister concerned can well enlighten us on this side of the House, as to why we should talk so much of neutralisation. Ever since the flutter was created by the Honourable Prime Minister, political scientists, politicians on both sides of the House and historians have been very interested in the subject, but before we go further, let us differentiate between non-alignment and neutralisation.

The whole idea, as I understand it, of the neutralisation of South-east Asia was first advanced by the Honourable Prime Minister. Sir, “neutralisation”, means essentially a guarantee to the neutrality of a part of the world by way of an international agreement, and that is where the problem comes in.

I can assure this House, Sir, that my colleagues and I in the D.A.P. support the beautiful concept of neutralisation which we consider as a noble concept. There is no doubt about it that neutralisation is a good thing if it can be done and can be carried out. However, Sir, let us now for one moment examine the whole aspect of neutralisation. Are we in a position to impose our terms if we want to neutralise this part of the world, i.e. South-east Asia? I think it refers to the neutralisation of Malaysia, because when

somebody says neutralisation of South-east Asia, that is another way of saying since Malaysia is the only country involved in it as I shall presently show. I say so because there are some countries north of Malaysia like Vietnam and Burma which are already neutral in their own way—either as ad hoc neutrals, traditional neutrals or, if not, neutralised by reason of some international conventions. As I said earlier, Sir, when we talk of neutralisation, it means that some powers in the world must guarantee our neutrality. In this case, as the Honourable Prime Minister pointed out some years back, if this were to succeed, then four countries in the world, i.e. China, the United States, the Soviet Union and Britain, would have to guarantee our neutrality which means that we should be allowed to be what we are and that we should be free from outside interference.

Sir, in theory, that is very good, but then we now must come to a point of international law. When such a neutrality, by way of international agreement is imposed on a country, then the question arises in terms of international law as to whether that country which is thus neutralised, has the power, has the right, to break the international agreement. Perhaps, very learned people in the field of international law might be able to enlighten us on this side of the House, on this. But I respectfully submit, Sir, that, as far as I am concerned and as far as some of us on this side of the House are concerned, we believe that once we invite other countries to guarantee our neutrality, then we cannot and we have no legal right to break that international agreement. That is where the problem comes in. If we cannot break that international agreement, then the question to be asked is this. Are we prepared to be bound by that agreement if at some time in the future we find that that agreement is not suitable or acceptable to us because of a change of circumstances? Then what is our position? We may have then to reconcile the relationship between neutralisation on the one hand and of course our relationship with the guaranteeing powers on the other. For example, Sir, if our country is thus neutralised and if, say, one of the guaranteeing powers, China (hypothetically speaking) or Russia (also hypothetically speaking) wants to interfere in our affairs and if we stand up and say, “No, you cannot, because you have

guaranteed our neutrality", then a situation or a problem will arise as to whether we have the right to break that agreement, that agreement which guarantees our so-called neutrality. I submit, as I said earlier, Sir, that we have no right to do so, and I maintain, that this is a moot point. There are two sides to this question which has of course, baffled the international jurists and many schools of thought in so far as this aspect of international law is concerned.

Then, Sir, with due respect, the Honourable Minister also spoke of non-alignment. I am quite amused by the use of the term "non-alignment". Of course, I admit that, when we talk of non-alignment, neutralisation and neutrality, they are more or less synonymous, they more or less have the same historical features, but then each of these concepts has originated from a different background, from a different political situation.

When you talk about non-alignment, of course our mind is focussed on India because it was Jawaharlal Nehru, the then Prime Minister of India, who was the prime mover of the concept of non-alignment. Basically, if my memory does not fail me, "non-alignment" means that a country stays away from big power politics and adopts a pacifist policy. Sir, again, the whole idea of non-alignment collapsed way back in 1962 during the outbreak of the Sino-Indian War. Now, we all know, Sir, that India set a very good example. In fact, the whole idea of non-alignment spread like a cancerous disease to many countries in Asia, Africa or Latin America. But it collapsed because, as I said, each of these concepts is a paradox of war. As I said earlier on, Sir, because of the Cold War, India, although it was non-aligned, eventually was dragged into the Soviet Camp, when Nehru sought a token help from the Soviet Union against the Chinese during the height of the Sino-Indian War. So, again, that idea collapsed. When we talk of neutralisation, we need not have to go very far—and of course, Sir, if time permits, I can go on giving you case histories way back from the 1850's on each aspect of this question of neutralisation, neutrality and non-alignment—and we only have to look at Vietnam.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Ngan Siong Hing: Yes, Sir, I will try to finish in a minute. Sir, we need not have to go very far, but we need only go to Vietnam or where Laos was supposed to be neutralised. But what has happened to Laos today? Has Laos the military power to stop foreign countries, foreign political parties or parties struggling for power, from interference in its internal affairs? It does not appear to me that Laos has that capacity. It was some time in 1962 when the so-called neutralisation began in Laos. Sir, if that cannot be done there, I wonder if we can do it here when we are so weak and when we are still dependent on the British, our good old friends—although they had been suckers for nearly 200 years but they are still our best friends as far as defence is concerned—the Australians and the New Zealanders, in the form of the Five-Power Defence Pact for our survival. Sir, the ridiculous thing about this neutralisation is this: Malaysia would be the first country in the modern century even to invite four powerful countries to guarantee our survival, and I respectfully contend that this whole idea of neutralisation, although a noble concept, was basically an election exercise.

Tuan Pengerusi: Time is up.

Tuan Ngan Siong Hing: Can I add one more sentence.

Tuan Pengerusi: No. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas.

5.28 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, oleh sebab perkara luar negeri ini adalah satu perkara yang barangkali lain-lain negeri juga suka hendak tahu pendapat kita, dan khususnya oleh sebab seorang Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang telah bertutur dalam bahasa Inggeris, maka saya minta izin supaya saya dibenarkan bertutur dalam bahasa Inggeris juga supaya lebih jelas perkataan atau cakapan saya ini menjawab padanya.

(*Dengan izin*) I am very surprised, Mr Chairman, that the Honourable Member for Kinta has taken the posture he has, in trying to tell the world that we are not united in our foreign policy. But, Sir, if you look at the record of the Opposition, especially of his party, you need not be surprised because this is exactly what the Opposition has been

doing during election time and out of election time: they take advantage and every opportunity to try and belittle the achievements and the efforts of the Government of this country. They still have not realised the extent to which the people of this country in the recent elections have rejected them with all their policies and on the other hand have accepted and endorsed the policy of the Government that is led by Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, including its foreign policy. It is perhaps not suprising that during the elections, particularly in Penang where I observed the antics

Tuan Ngan Siong Hing: Sir, the Honourable Member is trying to

Tuan Pengerusi: It is my duty to point out to you that you can only interrupt on two occasions: one is by raising a point of order and the other is by rising to elucidate on your speech and you can do that only if the other Honourable Member gives way.

Tuan Ngan Siong Hing: Yes, Sir, I accept that, but this is more or less like elucidation. I just want to clarify.

Tuan Pengerusi: Provided the Honourable Member gives way.

Tuan Ngan Siong Hing: Yes, Sir, that is entirely

Tuan Pengerusi: Now, sit down first, when the Chair speaks. (*Kepada Tuan Mohamed Sopiee*) Are you giving way?

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: If the Honourable Member would like to know, what I am speaking about is in regard to the allocation under Head B. 25—Foreign Ministry.

Tuan Pengerusi: That you need not explain, that is my duty.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Thank you, Sir. May I have your permission to proceed?

Tuan Pengerusi: Please proceed.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: As I was saying, I was able to watch at close range the antics of the leaders of the D.A.P. who, at one stage during the elections, thought that it would be wise and heroic of them to oppose the visit of Y.A.B.

Tun Perdana Menteri to China and said so during the elections. But when they found this was not in their favour and not to their advantage and when they were losing votes, very quickly—within 48 hours after the result—they came round and said, “No, no, we mean something else; we are in favour; it is all right and it is a good thing”; and this is what is happening now. I am beginnng to wonder whether they are just trying to find fault for the sake of finding fault or whether they understand what they are talking about.

If I heard him right, the Honourable Member for Kinta talked about alignment, non-alignment and neutrality and confessed that he saw no difference between non-alignment and neutrality, or he thought perhaps they were almost alike.

Tuan Ngan Siong Hing: Sir, that is a gross distortion, I did not say there was no difference. I am sure he misheard me.

Tuan Pengerusi: Order, order. You read your Standing Orders. You can only interrupt under Standing Order 37, that is to say, on a point of order or to elucidate any matter raised by you earlier in your speech and that also with the condition that the Honourable Member gives way. On what point are you rising now?

Tuan Ngan Siong Hing: On a point of fact that I never said that

Tuan Pengerusi: Say first, on what point whether under S.O. 37 (a) or S.O. 37 (b)?

Tuan Ngan Siong Hing: It is under S.O. 37.

Tuan Pengerusi: Read your Standing Orders next time. Now sit down. (*Kepada Tuan Mohamed Sopiee*) Please proceed.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Mr Chairman, if I heard him right, I got the impression that the Honourable Member for Kinta was confessing to this House his inability to distinguish between non-alignment and neutrality. He was rather confused about what kind of neutrality were we talking about or were trying to achieve. He talked about neutrality in Laos and said that it had not been successful. He raised

doubts about what we should be doing with people who are non-aligned and said that India had not been successful in its non-alignment policy and so on. I am afraid all this talk, in my considered view, is the result of reading magazines, reading articles written by certain people who claim to be knowledgeable—but I think perhaps not knowledgeable enough—and I suggest that it might be a good thing if Honourable Members of the Opposition spent more time and did more homework and read more thoroughly the proposals and plans of the Government. There is no question of going on our knees and asking people of other countries to endorse it and getting their agreement and so on. I think the public needs to be told that this country of ours, not only as of now but since the time we became independent, has been fortunate to have had a foreign policy which has served this country well. But like all other policies, our foreign policy, has over the years undergone changes, just like other countries which do make changes in their foreign policies. The policy that Y.T.M. Tunku Abdul Rahman initiated at the beginning stage of our independent status, was no doubt suitable for this country at that precise time, in that given situation. As we went along, events in the world have changed; forces and powers at large have changed; our own interests have changed; and it has been necessary for us to adjust our policies as the situation arises and as things change. However, none of us can deny the fact that since Y.A.B. Tun Abdul Razak was given the burden and responsibility of formulating the foreign policy of this country, we have had an outstanding policy. He had come to that stage at a period when members of our own foreign service has had a number of years experience. Don't forget this. When we started, some of the people who were involved in the formulation and implementation of our foreign policy started from scratch. We learnt the job on the ground; we went slowly, even made mistakes perhaps, but we learnt, and it took time. But there is no doubt that when Tun Abdul Razak took over the responsibility as Prime Minister and as Foreign Minister, he was able to formulate a policy which is distinctive, which is outstanding, which is clear and which is appreciated by all our friends all over the world—our neighbours nearby and our friends far away—and I say this is proof of

the fact, among others, that our foreign service has matured through experience with a few years that they have been at work; and we have also had Tun Razak himself going through the years of experience as the Deputy Prime Minister. This fact must not be belittled. The policy that we now have is a clear and simple one, namely, we want to be friends with every people, every country, every nation, in every part of the world, that wants to be friends with us. We base our friendship on the principle of mutual respect for the independence and the sovereignty and territorial integrity of every country. We base this policy on the acceptance of the strict rule of non-interference in the internal affairs of each other's country. We accept the fact of differences in political systems and social systems. This is the basis on which the diplomatic relations with the People's Republic of China, resulting from the successful visit of our Prime Minister, have been established. The relationship between this country and the People's Republic of China is important because China is a big country, and Malaysia is the first country in the whole of the South-East Asian region that has taken this first step in the normalisation of relations with this large, important and powerful nation which is not so far from us. Such a course may perhaps lead the way to the normalisation of the relations of People's Republic of China with other countries in this region who are our neighbours. That relationship is important. But that relationship is in no way different from the relationship that has been established with all other countries, big or small, far or near. This I think is important to remember.

As far as the prestige, the standing, of this country is concerned, I think the recent election of our permanent representative at the United Nations Branch in Geneva as President of GATT (General Agreement on Tariff and Trade) is a clear indication of the high esteem, of the great regard, that all nations in the world have for Malaysia and for this Government.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: The recent invitation made by the International Labour Organisation and accepted by our Prime Minister, is another

example of the prestige, of the image, of the high regard, that the whole world has for this country. And I would like to make a plea, particularly to the Opposition, that while we may have differences of opinion, that while we may have different views, or we may weigh things with different measures, but on one thing let us be united. i.e. on our relationships with countries abroad. It is a measure of our unity, it is a measure of our loyalty, it is a measure of our dedication; and it is a measure of our being true Malaysians. I hope this point goes home, because we may disagree here but let us not show the world that we have a policy in relation to the rest of the world which is not supported and which is not subscribed to by every section of this country. I would like to believe that except for a small group, the vast majority of the people of this country, 90% of the people of this country, support the foreign policy that we have. I am convinced that this is a policy of friendship which will bring about peace and harmony, which will bring about well being to all the peoples of this region, and this should be a great contribution that this country can make to the world.

In this respect, I would like to refer to Subhead 1100 and other items. With regard to the very small amount, compared to the amounts provided for other divisions given for Economic and Regional Cooperation, I feel that, while we have succeeded in the political field, there is a great deal to be done still in the economic field and in the field of trade and commerce, and I think this is where we should, in the Foreign Service and in the Foreign Ministry, make a real effort, in the same way as we in this country domestically have been able to achieve great success in the political field and we are redoubling our efforts in the economic field and in the commercial and industrial fields. In the field of foreign relations also we should do the same step up of efforts as in the economic and commercial sphere.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

5.44 ptg.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, sebelum saya berucap, mula-mula saya minta maaf kepada Tuan Pengerusi, sebab sebentar tadi saya tersilap bangun bukan tidak betul timing tetapi tidak mengikut peraturan.

Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong dengan sepenuh-penuhnya segala-gala yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas baharu-baharu tadi. Dengan itu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan Kementerian ini yang telah menjalankan tugas-tugasnya dengan kejayaan begitu cemerlang hingga pada masa ini nama Malaysia harum dan dipandang tinggi di kalangan antarabangsa. Saya berani berkata demikian sebab baharu-baharu ini saya telah dapat peluang mewakili negeri kita di United Kingdom dan juga melawat beberapa buah negeri yang lain, dan apa yang saya katakan tadi berkenaan negeri-negeri lain memandang tinggi kepada Malaysia ialah apa yang saya telah dengar dan yang saya telah alami dalam lawatan-lawatan saya.

Tuan Pengerusi, kita berani banggakan hal ini walaupun selepas baharu-baharu tadi mendengar tuduhan yang melulu daripada pihak Pembangkang. Dari satu masa ke satu masa dasar luar negeri kita hendak berbaik- baik dengan segala negeri yang sedia menghormati kedaulatan negara kita dengan tidak kira apa ismnya, apa politiknya telah diistiharkan di kalangan dunia dengan nyata. Serata dunia tahu hal ini dan hormatkan pendirian kita. Ini tidakkah cukup, Tuan Pengerusi? Saya harap kita tidak akan mendengar lagi tuduhan-tuduhan seperti yang kita dengar baharu-baharu tadi. Kita jemu-jelak mendengar tuduhan-tuduhan yang melulu yang dibuat di dalam Majlis yang mulia ini dan tuduhan-tuduhan yang dengan terang dan nyata sekali-kali tidak bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, kita semua sedia maklum bahawa nama baik Malaysia di kalangan antarabangsa seperti yang saya katakan tadi adalah perkara yang tersangat penting. Tugas-tugas yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai Kementerian ini di segala kedutaan-kedutaan Malaysia di seberang laut adalah merupakan daya-usaha yang utama untuk mencapai matlamat itu. Oleh itu, saya berharap pegawai-pegawai yang dihantar berkhidmat ke luar negeri selain daripada mempunyai kelulusan tinggi, maka hendaklah juga tinggi kalibernya, faham sebenar-benarnya cita-cita dan hasrat negara dan sedia bekerja dengan segala dedikasi dan taat setia yang tidak berbelah bahagi. Kita berharap Kementerian ini akan memberi

setinggi-tinggi keutamaan kepada langkah-langkah yang diambil melatih dan melengkapkan pegawai-pegawai yang hendak dihantar ke luar negeri. Tujuan saya bukan sahaja supaya mereka itu menjadi pegawai-pegawai yang cukup mahir dan tahu betul-betul akan rules dan regulations, tetapi hendaklah juga mereka itu diisi dengan semangat Malaysia membangun. Kepada saya dengan kelengkapan yang demikian baharulah mereka dapat dengan sebenar-benarnya mewakili kita di kalangan antarabangsa. Saya bukanlah professional dalam bidang diplomasi, cuma dapat peluang bertugas dalam bidang ini lebih kurang 2½ tahun sahaja baharu-baharu ini. Bolehlah dianggap pandangan-pandangan yang saya beri ini sebagai pandangan seorang amateur diplomat, seorang awam dalam negeri.

Sungguhpun begitu saya syorkan bahawa ada harganya pandangan amateur dari satu segi iaitu sebagai mencerminkan pandangan rakyat biasa yang tidak ada biasa dan tidak disebutkan kerana sesuatu tujuan yang tertentu. Dengan tujuan supaya lebih berkesan peranan-peranan yang dimainkan oleh pegawai-pegawai Kementerian ini di luar negeri, saya juga syorkan supaya isteri-isteri pegawai-pegawai tersebut diberi juga pimpinan berkenaan dengan perawakan mereka dan sebagainya semasa mereka di luar negeri bersama dengan suami-suami mereka. Hal yang semacam ini tidak jadi begitu ketara semasa berada dalam negeri ini, sebab kita tenggelam di dalam berjuta-juta orang-orang kita sendiri, tetapi bila di luar negeri bilangan orang-orang kita kecil. Pegawai-pegawai kita dan isteri-isteri mereka menjadi cermin keadaan dan tingkah laku keseluruhan orang-orang kita dalam negeri ini. Oleh itu, saya rasa patut benar rakyat Malaysia menuntut bahawa mempunyai kaliber yang tinggi itu bukan hanya sahaja menjadi tanggungjawab pegawai-pegawai yang bertugas dalam kedutaan-kedutaan kita, tetapi juga tanggungjawab isteri-isteri mereka.

Satu perkara lagi yang telah menjadi nyata kepada saya semasa bertugas sebagai diplomat di London ialah berkenaan dengan kesulitan yang dihadapi oleh pegawai-pegawai Kementerian ini bila mereka bertugas di seberang laut atau ditukar dari satu negeri ke satu negeri. Ini ialah berkenaan dengan pelajaran anak-anak mereka. Pelajaran anak-anak mereka ini kadang-kadang tercicir, sebab susah hendak mendapat tem-

pat di sekolah-sekolah yang tertentu di Malaysia, ataupun bila dibawa bersama dengan ibu dan bapanya dan hendak dimasukkan ke dalam sekolah-sekolah di luar negeri itu payah mendapat tempat. Jikalau pun dapat tempat tidak tentu pula jadi pelajarannya. Ini selalu merunsingkan pegawai-pegawai tersebut dan bila hati tidak begitu senang susahlah mereka hendak menjalankan kerja dengan sempurna. Oleh itu, saya mengesyorkan kepada Kementerian ini supaya memberi perhatian yang berat kepada soal ini.

Saya tahu keutamaan ada diberi kepada anak-anak pegawai tersebut untuk masuk ke dalam sekolah-sekolah residential dan yang lain-lain di negeri ini. Sungguhpun telah ada keutamaan tersebut, saya syorkan soal ini tidak hanya diserahkan kepada pegawai-pegawai itu mengelolakannya sendiri. Saya syorkan supaya Kementerian ini mengambil peranan yang lebih tegas dalam soal ini hingga mengadakan bahagian dan pegawai-pegawai khas dalam ibu pejabat di Kuala Lumpur yang bertanggungjawab membantu pegawai-pegawai menempatkan anak-anak mereka di sekolah-sekolah di Malaysia.

Tuan Pengerusi, seperti yang saya telah sebutkan dalam masa perbahasan peruntukan bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian semalam, saya harap pegawai-pegawai Kementerian ini juga dapat memberi keutamaan yang lebih kepada hal-hwal perdagangan dan perusahaan. Sebagai sebuah negeri membangun, penting benar kita dapat menjual barang-barang keluaran negeri ini dengan harga yang tinggi dan stabil. Oleh itu, Bahagian Perdagangan dan Perindustrian dalam Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri adalah terpenting peranannya. Saya harap bahagian ini akan diperkuatkan lagi dan diberi sokongan yang sepenuh-penuhnya oleh semua pegawai-pegawai dalam sesuatu Kedutaan itu. Ini adalah menurut peredaran masa dan langkah-langkah yang diambil untuk memajukan ekonomi negeri kita akan berkesan akibatnya kepada Malaysia sendiri.

Saya tidak pula mengecil-kecilkan tugas-tugas Kementerian ini dalam segi politik, perhubungan, konsular, protokol dan sebagainya. Ini adalah penting untuk keselamatan dan masa depan negara kita dan ketenteraman dunia. Tetapi matlamatnya ialah ekonomi, iaitu supaya getah, bijeh timah, kelapa sawit, kayu-balak yang dikeluarkan

oleh negeri kita ini sentiasa ada pasaran di luar negeri dengan harga yang baik.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang saya suka mengambil peluang menyebutkan ialah berkenaan dengan penuntut-penuntut Malaysia di seberang laut. Tiap-tiap tahun beribu-ribu anak muda kita ke luar negeri untuk melanjutkan pelajarannya. Pemuda-pemuda ini semuanya masih remaja dan senang dipengaruhi oleh konsep-konsep, ism-ism dan whispering-whispering yang selalu kita kedengaran daripada pihak-pihak yang tidak diinginkan oleh kita yang mempengaruhi anak-anak muda itu. Saya harap Kementerian ini dan pegawai-pegawainya yang bertugas di seberang laut mengambil peranan yang lebih tegas untuk sentiasa berhubung dan berdialog dengan penuntut-penuntut ini, dan yang lebih praktik boleh jadi melalui pertubuhan-pertubuhan mereka. Tujuannya ialah supaya dasar-dasar Kerajaan Malaysia sentiasa dijelaskan kepada mereka. Hasrat dan cita-cita yang bersih akan menjadi basis dasar-dasar itu diterangkan dengan sepenuh-penuhnya.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sedikit sahaja lagi, Tuan Pengerusi. Boleh jadi dengan berbuat demikian perhubungan baik di antara kedutaan-kedutaan dan penuntut-penuntut kita, maka tidaklah lagi kedutaan-kedutaan itu hanya menjadi sasaran dan maki-hamun dan rusuhan-rusuhan sahaja.

5.50 ptg.

Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah): Tuan Pengerusi, setelah mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kinta, saya tertarik hati dengan beberapa hujjah-hujjah yang diberikan oleh beliau di dalam masalah non-alignment dan neutralisation serta neutrality. Ahli Yang Berhormat itu seolah-olah memperkecil-kecilkan dan memperbudak-budakkan pihak Kerajaan dengan dasar non-alignment dan neutralisation ini dan menyoal tentang kebaikan polisi non-alignment, neutralisation dan neutrality.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas yang menyatakan Ahli Yang Berhormat ini barangkali membaca daripada textbook, magazine dan newspapers berkenaan dengan meaning of neutralisation, non-alignment dan neutrality.

Dan barangkali tertarik dengan apa yang berlaku di negeri-negeri lain dan hendak membandingkan dengan keadaan yang berlaku di Malaysia ini sendiri.

Kita mesti sedar bahawa tiap-tiap foreign policy yang kita buat adalah berdasarkan kepada internal policy—internal interest dan apa yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri ataupun bekas Perdana Menteri Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj adalah berdasarkan kepada keadaan dalam negeri kita sendiri, bukan kita hendak berdasarkan kepada apa yang berlaku di India atau di mana-mana negeri. Saya mengaku non-alignment ini memang sudah gagal di setengah-setengah negeri. Kegagalan ini kerana non-alignment yang dibuat di setengah-setengah negeri itu semata-mata berdasarkan kepada kemegahan.

Saya tahu ada negeri-negeri yang berdasarkan kepada kemegahan hendak masuk di dalam satu kumpulan non-alignment. Pada masa itu banyak negara-negara gila dengan non-alignment, semua hendak jadi non-alignment, tetapi tidak sesuai dengan dasar dan keadaan dalam negeri. Akhirnya, berlakulah pergaduhan dan kacau-bilau dan dasar non-alignment itu tidak berjaya.

Begitu juga dengan dasar neutralisation yang pada suatu masa dahulu neutralisation ini sudah menjadi fesyen kepada negara-negara Afro-Asia, tetapi tidak sesuai dengan dasar dalam negeri atau tidak berjaya (fail) bagi negara-negara tersebut. Tetapi dasar kita berlainan. Dahulu kita tidak berasas non-alignment atau neutralisation—semasa Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dahulu—sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas kerana dasar dahulu itu berlainan. Inilah kebijaksanaan dan kelebihan sesuatu Kerajaan. Sebuah Kerajaan mesti disesuaikan dengan keadaan dalam negeri itu sendiri, dengan keadaan rakyat dalam negeri itu, dengan kehendak dan kemahuan serta inspirasi rakyat dalam negeri itu sendiri, baik dasar dalam negeri ataupun luar negeri. Kalau tidak, kita tidak boleh berjaya. Jadi, masa dahulu keadaannya berlainan. Itu dasar kita dan kita sudah berjaya. Kita berjaya mengamankan negara kita. Kita berjaya membuat segala kemajuan dalam negara dan berjaya pula membuat persahabatan dengan negara-negara lain semasa Yang Teramat Mulia

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dahulu. Dan pada masa ini dasar Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas tadi, perubahan dunia sudah berlaku. Amerika sendiri yang dahulunya tidak ada perhubungan dengan Negeri China, sudah mengadakan perhubungan. Tetapi kita terlebih dahulu daripada Amerika. Ini patutlah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang mengakui yang kita telah terlebih dahulu daripada Amerika. Amerika belum berfikir untuk mengadakan perhubungan dengan Negeri China, tetapi kita sudah hantar wakil-wakil kita ke Negeri China untuk mengadakan perhubungan. Mereka patut menerima kenyataan yang diberi dengan bangga sebagai rakyat Malaysia.

Dan begitu juga kalau dahulu kita bukannya menjalankan polisi non-alignment itu adalah kerana keadaan dan masa, tetapi hari ini kita berkehendakkan dan dengan dasar non-alignment yang ada pada hari ini kita telah herhubung rapat dengan semua negara baik negara-negara Afrika, Russia, kominis ataupun non-communist. Adakah itu dibangkang oleh pihak Pembangkang? Adakah pihak Pembangkang tidak bersetuju dengan dasar non-alignment yang kita jalankan ini? Kita ada hubungan diplomatik dengan sebuah negara. Kita ada hubungan persahabatan dengan seluruh dunia. Dia tidak bersetuju. Adakah non-alignment yang kita jalankan ini sudah gagal? Ini kenyataan kepada kita, begitu juga dengan neutralisation atau neutrality, bukan neutrality atau neutralisation seperti yang dijalankan oleh negara lain. Tetapi kita minta neutrality bagi South-East Asia dan kita sedar negara kecil seperti Malaysia ini kita mesti ada guarantee dari kuasa-kuasa besar.

Yang Berhormat itu juga menyebutkan 4 buah negara besar. Memang itu dasar Kerajaan. Inilah 4 buah negara besar Russia, China, Great Britain dan Amerika. Kalau negara besar ini yang kita tahu mempunyai pengaruh kepada negara-negara kecil baik di Afrika dan di mana juga, negara ini tidak boleh menjamin neutrality kawasan South-East Asia, sampai bila pun kita tidak boleh dapat mencapai kemajuan. Ini far-sighted view foreign policy kita. Kita sudah memandang keadaan ini, dan kita telah boleh dikatakan berjaya hari ini. Dengan neutralisation policy atau neutrality, kita ada hubungan bukan sahaja hubungan diplomatik dengan

Russia, dengan Negeri China juga kita ada hubungan hari ini dan dengan itu juga

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Pengerusi, on a point of order. Can I elucidate the Honourable speaker on the other side?

Tuan Pengerusi: When you want to elucidate on any matter raised by the Honourable Member, that is not a point of order. Point of order is on the conduct.

Tuan Ngan Siong Hing: Conduct, yes, but under Standing Order No. 37, I can

Tuan Pengerusi: But there are two sections in S.O. 37.

Tuan Ngan Siong Hing: I can elucidate on some matters raised by the Honourable Member in the course of his speech, Sir.

Tuan Pengerusi: Now, don't argue, please resume your seat. There are two sections in Clause 37. When you say a point of order, it refers to the conduct. What is your point of order? Please proceed.

Tuan Ngan Siong Hing: I think the Honourable Member has distorted the whole crux of the matter which I have raised. So I just want to elucidate.

Tuan Pengerusi: Elucidation comes under the other section and it does not come under a point of order and you cannot say it on a point of order. Honourable Members, please take note that when an Honourable Member raises a point of order, then the other Honourable Member speaking has to sit down, and the Chair then gives way to the Honourable Member who raised the point of order. But when an Honourable Member tries to elucidate on a matter which has already been raised by him, then it is not a point of order. Such being the case, Honourable Member for Kinta, please sit down and Honourable Member for Kuala Kedah, please proceed.

Datuk Senu bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya sambung lagi berkenaan neutrality. Dasar ini sudah diterima dan boleh dikatakan seluruh dunia hari ini menyokong dasar kita. Dan ada beberapa buah negara lain juga di dalam kawasan South-East Asia ini sedang memikirkan untuk bekerjasama dengan kita. Dan dengan dasar itu juga kita telah dapat mencapai keamanan dan ketenteraman bukan sahaja dalam negara

kita, tetapi di dalam kawasan South-East Asia kita. Adakah dasar itu salah? Adakah dasar itu menunjukkan kegagalan kita? Adakah dasar itu membawakan keburukan kepada kita? Ini yang mesti difikirkan oleh Kerajaan. Tiap-tiap satu dasar yang dibuat oleh Kerajaan baik dasar luar negeri atau dalam negeri adakah dasar itu, hasilnya kelak membawa kebaikan kepada rakyat atau kepada negara kita sendiri? Bukannya untuk kebaikan Russia, China, Amerika, Great Britain, Yugoslavia dan lain-lain. Dasar kita ialah untuk kebaikan rakyat negara kita, samada neutralisation atau non-alignment atau apa juga, dasar kita ialah untuk kebaikan. Inilah dasar yang berjalan sekarang ini.

Yang Berhormat itu bertanya tadi, saya pun hairan, apakah sebabnya. Dia barangkali banyak mengetahui berkenaan dengan international law. Beliau berkata sekiranya sebuah Kerajaan bertukar, where there is a change of power how to reconcile the agreements which have been made. Saya rasa soalan yang semacam ini tidak patut timbul kalau Yang Berhormat itu sungguh pandai dalam international law. Kita tahu Kerajaan yang memerintah sekarang ini, dia dapat buat apa agreement pun, dengan apa Kerajaan dan dengan apa corak juga mengikut dasar Kerajaan kita. Kalau Yang Berhormat itu esok, kalau partinya dapat memerintah, dia boleh buat apa juga samada agreement sekarang berjalan atau tidak itu tidak menjadi soal, itu dalam international politics—dalam international law. Apa yang berlaku mengenai international practice, ini yang berlaku, sebuah Kerajaan hari ini buat persahabatan dengan sebuah negara lain, esok naik Kerajaan lain maka dia declare war dengan Kerajaan itu, inipun berlaku. Ini international practice yang berlaku selama ini. Apa sebab yang disoalkan oleh Yang Berhormat itu? Jadi, sematamata seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepala Batas tadi pihak Pembangkang ini sengaja hendak mencari sebab, hendak menunjuk-nunjuk kepandaian mereka, kononnya rakyat dalam negeri ini bodoh, rakyat yang menyokong Barisan Nasional dengan sebegitu banyak majority ini bodoh. Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi.

6.08 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap sepatah dua dalam anggaran yang dikemukakan oleh

Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, saya tidak dengar ucapan wakil dari Kinta, tetapi saya telah dengar dengan teliti ucapan wakil dari Kuala Kedah. Walaupun saya mula-mulanya tidak mahu mengambil bahagian dalam perbincangan anggaran ini, tetapi saya terpaksa berdiri bercakap sedikit dan menyentuh tentang apa yang diucapkan oleh wakil dari Kuala Kedah.

Saya masih ingat, mula-mula saya masuk ke dalam Dewan ini pada tahun 1964, pada masa itu kita ada konfrantasi dan kita tidak ada polisi non-alignment atau polisi neutralisation dan sebagainya. Mengikut wakil dari Kuala Kedah iaitu kita membuat polisi mengikut hasrat, kemahuan dan kehendak rakyat di dalam negeri. Itu memang saya bersetuju, tetapi jika ada orang di negeri ini, ada wakil di dalam Dewan ini boleh pandang jauh jangan katakan beliau itu salah. Saya masih ingat pada masa itu di dalam konfrantasi, saya menyatakan begini:

“We must find a political solution to our problems with Indonesia. We must tread that road however long and dreary that political solution may take.”

(*Dengan izin*): Sir, I also stated that we could not afford to have a military confrontation with Indonesia. I remember those days when the Government Members in this House called me the “Voice of Jakarta” and “traitor” and so on. But then as we all know, Mr Chairman, Sir, one or two years after I had made that speech, none other than the Permanent Secretary of the Ministry of Foreign Affairs then and now the Minister of Home Affairs embraced the representatives from Jakarta who came here. Oleh sebab wakil dari Kuala Kedah menyatakan “pihak Pembangkang”, ini bermakna termasuk saya. Saya terpaksa menjawab tuduhan daripada beliau. Kalau tidak, saya tidak mahu mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, pada masa itu juga, saya menyatakan kita mesti bersahabat dengan negara sosialis, walaupun kita tidak menyetujui dengan sistem politik mereka di dalam negeri itu. Seumpamanya, saya kata mengapakah tidak boleh ada hubungan diplomatik dengan U.S.S.R. atau

dengan Republik Rakyat China? Pada masa itu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini berkata, "Voice of Peking". Tetapi now we have the hammer and sickle flying in this capital city of ours and we have exchanged diplomats with the People's Republic of China. So, Tuan Pengerusi, it is not always that we on this side of the House are wrong. We also can look far ahead in matters of foreign policy as well and not be so short-sighted as some of the Members on the Government Benches.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh sedikit tentang mahasiswa-mahasiswa atau penuntut-penuntut kita yang pergi ke seberang laut untuk melanjutkan pelajarannya.

Tuan Pengerusi, our former High Commissioner to London—I do not know what his constituency is

Tuan Pengerusi: Padang Rengas.

Dr Tan Chee Khoon: Padang Rengas, minta maaf, and I convey my apologies to him. He has, of course, great experience in this matter and he being the former High Commissioner to the United Kingdom, has stated that we should be careful with the students we send abroad. I would rather like to take a different view, Tuan Pengerusi, because I think that there is no danger to this country if we expose our students to the various "isms" that he has talked about—communism and so on—because, as far as I can see Tuan Pengerusi

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Tuan Pengerusi, on a point of clarification. Saya hendak menjelaskan apa tujuan ucapan saya.

Tuan Pengerusi: On a point of clarification, kalau Yang Berhormat dari Kepong hendak memberi jalan. Are you willing to give way Honourable Member for Kepong?

Dr Tan Chee Khoon: For my good friend, I can give way.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Boleh jadi Ahli Yang Berhormat itu kurang faham apa yang saya katakan tadi. Yang saya syorkan kepada Kementerian Luar Negeri ini bukannya menjaga penuntut-penuntut, tetapi mesti selalu berdialog dan berhubung serta mengadakan perhubungan

yang rapat. Jadi, saya kurang faham bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang mengatakan saya minta Kementerian Luar Negeri mengawasi lebih ketat kepada students di luar negeri. Saya cuma minta perhubungan yang lebih rapat dan selalu berdialog. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, barangkali Bahasa Malaysia saya kurang lengkap dan sempurna (*Ketawa*). Tetapi, underlying what the former High Commissioner for Malaysia has said in his speech, one could detect—perhaps maybe I was wrong in putting that implication, but I entirely agree with him—that there should be a dialogue between our officials in the various capital cities of countries particularly in the United Kingdom, in Australia, and in New Zealand. Then he talked about "perhubungan rapat". I entirely agree with him, Tuan Pengerusi. But I hope that this "perhubungan rapat" or the dialogue will not be turned into a gestapo system whereby they look at each and everyone, they attend to lectures or talk in Hyde Park and they speak like communists, because when they come back, they are part of the establishment. So I would not do too worried if our students are exposed to all sorts of "isms" because it is to their own good that they be exposed in a young age because I think that they will grow out of these various stages of political beliefs.

Tuan Pengerusi, I do hope that the Government would provide our Foreign Office Representatives in the various capital cities with the adequate necessities of life. I say this because it is well known that if we have a prosperous lawyer, for example being the High Commissioner, of course he can bear the extra costs, but not everybody is a prosperous lawyer.

Tuan Pengerusi: Now, please confine your debate on the policy of the provision which is voted.

Dr Tan Chee Khoon: What I am trying to say is that the allowances that are given to our officials overseas are not enough, and I am citing the fact that a prosperous lawyer can bear the extra cost in a high cost of living area like London.

Tuan Pengerusi: But the Honourable Member for Padang Rengas was not a practising lawyer then.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, Sir, I did not mention anybody's name, but I wish to say that not everybody can bear the extra high cost of living in the various capital cities such as Washington, Paris, Canada, Ottawa and the like, and the Foreign Ministry should see to it that there should be adequate allowances for these Representatives representing us in the various capital cities of the world.

6.16 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, dengan ringkasnya saya ingin berucap atas Kepala B. 25—Politik.

(Dengan izin) With the world becoming increasingly more and more interdependent, foreign relation has a very important role to play in the development of any country. Malaysia is no exception. Malaysian foreign policy, Tuan Pengerusi, has changed little since Merdeka, except in our relations with the communist bloc countries; and this has, to a great extent, resulted not so much from our own initiatives but from changes in the relationship between the so-called free-world and the communist bloc.

Malaysian foreign policy in the last 16 years since Merdeka has reflected our economic, political and military dependence upon the free world. In the light of new super powers' political and economic realignments, Malaysia, like many other newly independant countries, has been cut adrift and swept into new currents of foreign relations; and with the shift of emphasis towards the Malaysian Peninsula and the end of the military struggle in Indo-China, these currents become stronger, and new policy changes must be initiated to meet the challenges of the last quarter of the century, and the Malaysian shift to neutrality is a sign of its reaction towards these winds of change.

Tuan Pengerusi, it is, therefore, imperative that Malaysia's foreign policy for the remainder of this century must be forward-looking and radical. Old alliance and old concepts must be discarded together with its prejudices.

Tuan Pengerusi, my party welcomes the establishment of diplomatic relations between Kuala Lumpur and Peking. However, it is important that such relations with China

must be full, proper and meaningful. Normalisation of relations with China should and must lead to the opening up of greater exchanges between the peoples of the two countries socially, economically, culturally, educationally and technologically.

I would like to call our Minister of Foreign Affairs to assure our people that there will be the fullest normalisation of relations between our country and China and that all restrictions which are now placed on the peoples of Malaysia and China for closer understanding should be removed. This must involve among other things the lifting of all travel restrictions which are now placed on Malaysians who want to visit China and vice-versa. There is also no reason why, for instance, the Bank of China should not be allowed to be established in our country in order to further facilitate the flow of trade between the two countries. And, similarly, there is also no reason why the National Airlines of China should not be allowed to land in Malaysia in exchange for our landing rights in China for MAS. We are of the firm conviction, Tuan Pengerusi, that full and meaningful relations with China will benefit a small country like Malaysia.

Yang akhirnya, saya ingin merujuk kepada Eastern European Bloc. I observe that Malaysia has yet to expand its diplomatic relations with the entire East European Bloc apart from Yugoslavia. It is my view that the Malaysian Government should capitalise on the goodwill and friendship generated by our Prime Minister's visit to some East European countries sometime ago to look into the possibility of establishing diplomatic ties with more East European countries for trade and economic purposes. I am sure that if this could be done it could be of immense benefit to Malaysia, especially from the trade angle.

6.20 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Pengerusi, saya menyokong Anggaran Perbelanjaan di bawah Kepala B. 25 dan P. 25 diluluskan dan saya meminta izin bercakap sedikit berkenaan dengan Dasar Luar Negeri.

Apabila kita memperkatakan Dasar Luar Negeri biasanya samada di dalam akhbar-akhbar, di Dewan, di mana-mana

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dasar am luar negeri sudah dibincangkan masa perbahasan Belanjawan, tetapi sekarang

hanya boleh ditumpukan kepada dasar perkhidmatan yang wangnya diuntukkan yang sedang kita timbangkan.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Betul, saya akan pergi ke situ, tetapi dasar

Tuan Pengerusi: Order! Yang Berhormat kata tadi dasar luar negeri. Dasar luar negeri tidak boleh, tetapi kalau dasar perkhidmatan yang wangnya diuntukkan baginya yang sedang kita bincangkan itu, boleh.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi, saya akan bercakap berkaitan dengan dasar yang akan dijalankan oleh Kementerian Luar Negeri berkaitan dengan perkhidmatan dan peruntukan yang diberi kepadanya. Saya menyentuh soal ini apabila Ahli-ahli Yang Berhormat menimbulkan dasar non-alignment dan neutrality yang dijalankan oleh Kementerian Luar Negeri kita pada masa ini, dan saya rasa perlulah bagi saya menyentuh sedikit dalam perkara ini.

Sebenarnya, ada tiga dasar luar negeri yang dijalankan oleh mana-mana negeri pun di dalam dunia pada hari ini, iaitu dasar alignment, non-alignment dan neutrality. Ketiga-tiga dasar ini atau konsep ini timbul atau berpunca dari sistem bipolar (bipolar system) yang wujud di dalam tahun-tahun lima puluhan dan enam puluhan iaitu di antara dua blok yang terbesar, Blok Kominis dan Blok Barat. Alignment ialah negeri-negeri yang mengamalkan dasar luarnya yang terikat kepada mana-mana satu blok yang saya sebutkan tadi, dan non-alignment ialah negeri-negeri yang tidak terikat di mana-mana blok sebagaimana yang kita Malaysia amalkan sekarang ini. Tetapi apabila kita menjalankan dasar non-alignment ini kita menjalankan dasar bebas dan aktif, kita bertindak mengikut apa yang kita fikir perlu, mengikut pada keadaan masa yang sesuai, dan dasar neutrality sebenarnya dasar yang tidak campur di dalam masaalah-masaalah pergolakan antarabangsa seperti yang diamalkan oleh Switzerland dan yang dicuba oleh Burma sekarang ini.

Saya suka menyentuh sedikit secara mendalam berkait dengan dasar luar negeri yang diamalkan oleh Malaysia sekarang ini dan saya mengucapkan berbilang-bilang tahniah kepada Kementerian Luar Negeri yang telah

dapat menjalankan dasar-dasar yang terpuji yang dipandang tinggi oleh segenap negara-negara lain di dalam dunia ini. Sebenarnya, dasar luar negeri ialah sesuatu yang hidup, yang dinamis, yang mesti berubah-ubah dari satu masa ke satu masa mengikut keadaan dan kepentingan tertentu dan ia hendaklah berdasarkan kepada national interest. Saya menyebut perkara ini, kerana ada Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak parti Pembangkang menyebut bahawa dasar luar negeri kita ini berubah-ubah dan patutlah Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan faham bahawa dasar luar negeri yang statis (static) yang mati, yang tidak berubah-ubah sepanjang masa itu ialah dasar luar negeri yang tidak memberi keuntungan kepada negara itu. Sebab itu kita mestilah memberi sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri serta pegawai-pegawai diplomatik kita di luar negeri yang telah menjalankan dasar-dasar yang sesuai bagi meninggikan taraf dan kedudukan negara kita di dalam berbagai-bagai kumpulan dan di dalam hubungan antarabangsa. Kita bolehlah agung-agungkan di dalam Dewan yang mulia ini, umpamanya, pada peringkat serantau, peringkat kerjasama serantau, peringkat Asia Tenggara, kita Malaysia telah memainkan peranan yang aktif, yang bebas dan boleh dikatakan kita disanjung tinggi oleh rakan-rakan negara-negara serantau di dalam kawasan Asia Tenggara ini. Saya tidaklah hendak menyentuh panjang perkara ini, kerana tentulah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian telah begitu faham dengan jelasnya.

Pada peringkat yang lebih besar di dalam kumpulan negara-negara Islam, umpamanya, negara kita juga mengambil peranan yang penting, mengambil peranan yang cergas dan kita disanjung tinggi pula di dalam hubungan antarabangsa pada peringkat negara-negara Islam.

Kita tengok pula di dalam kumpulan yang lebih besar iaitu kumpulan-kumpulan yang dahulunya dikenal sebagai Afro-Asian atau disebut juga oleh setengah-setengah orang sebagai the third world dan disebut juga oleh setengah-setengah orang sebagai under-develop atau developing countries, jadi di dalam negeri-negeri inipun Malaysia memainkan peranan yang penting dan disanjung tinggi dan dihormati oleh negara-negara di dalam kumpulan tersebut. Seterusnya pada peringkat dunia umumnya sehingga

boleh dikatakan kita dihormati dan dipandang mulia oleh negara-negara besar, seperti negara-negara Kominis, U.S.S.R. sendiri, Republik Rakyat China dan juga negara-negara barat, Amerika Syarikat dan lain-lain lagi. Saya suka menyeru supaya Kementerian Luar Negeri kita terus memainkan peranan yang aktif dan bebas ini dengan tidak terikat kepada mana-mana pihak. Kita mengambil keputusan menyokong mana-mana pihak pada waktu kita memikirkan keadaan yang sesuai dan berdasarkan kepada national interest atau kepentingan negara kita sendiri. Saya percaya negara kita akan terus disanjung tinggi di dalam arena hubungan antarabangsa.

Saya tidaklah hendak menyentuh di dalam perkara-perkara lain lagi dan satu sahaja perkara yang akhir, iaitu hubungan antara Malaysia dengan China. Kita dapati pada hari ini setelah negara kita Malaysia mengadakan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China, dengan Peking, maka setengah golongan rakyat di negara kita ini cuba menuntut hak-hak istimewa di atas hubungan diplomatik itu, cuba menuntut keadaan yang lebih, padahal hubungan diplomatik yang diadakan di antara negara kita Malaysia dengan mana-mana negeri pun di dalam dunia ini adalah berasaskan kepada konsep hubungan biasa, sepatutnya golongan-golongan rakyat di negeri ini mestilah memikirkan dan bercakap dengan lebih mengutamakan kepentingan negara kita sendiri. Tidak bercakap atas kepentingan negara lain, sebab rakyat di dalam negara kita ini walaupun dari apa golongan sekalipun mestilah menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara kita ini.

Banyak tuntutan-tuntutan yang dikemukakan di dalam Dewan ini, umpamanya, baru sekejap tadi kita mendengar disebutkan berkenaan dengan masalah pembukaan Bank of China, hubungan airline. Saya rasa hal ini adalah satu masalah lain, satu masalah rundingan, satu masalah perjanjian di atas perkara itu sahaja. Saya rasa jika syarat-syaratnya dapat dipersetujui di antara kedua belah pihak dengan mana negeri pun boleh diadakan perkara ini. Saya rasa ini hendaklah dijalankan di atas lunas-lunas yang biasa, jangan kita memandangkan dengan adanya hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China itu kita mesti mengadakan hu-

bugan-hubungan yang istimewa dan memberi kemudahan-kemudahan yang istimewa melebihi daripada negara-negara lain.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Rajang dan saya telah berjanji beliau Ahli yang akhir berucap.

6.28 ptg.

Tuan Jawan anak Empaling (Rajang): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, after I have gone through the Anggaran Belanjawan of 1975 on pages 309 to 317 in regard to the Ministry of Foreign Affairs, under Kepala B. 25 and also P. 25, I feel the amount as designated in the Supply and Development Estimate of 1975 for this Ministry is quite reasonable to enable this country in projecting a good image of Malaysia as a nice, gentle and friendly nation through its activities in the international community.

Tuan Pengerusi, I think this is still the appropriate time for me to congratulate our Prime Minister and his team members for their successful mission to China, followed by the establishment of our diplomatic relations between the two countries, even though we have differences in our committed ideologies. I think this is a good and fantastic move our country has undertaken, and this move really coincides with our concept of neutrality, and I hope our country of Malaysia will remain neutral at least until the completion of this century to enable us to intensify our efforts in engaging ourselves in nation building process, particularly to eliminate contemporary social problems confronting the majority of Malaysians in the slum, rural areas, ghettos and the societies in the coastal areas. I do not mean, Tuan Pengerusi, that to shape our foreign policy, the concept of neutrality, into expansionism or internationalism is a dangerous one—I do not mean that. But it could handicap our development projects in the country. So, I feel that the continuation of our concept of neutrality and hanging on with this concept will help us to concentrate more in engaging ourselves in the nation building process. If necessary, we can shift from time to time on this policy but if possible, we should remain neutral as long as we could.

Tuan Pengerusi, in addition to what I have said, I wish to make a comment on the recruitment of personnel for Foreign Service. I am neither criticising this Ministry, nor do

I wish to tell the Ministry what should be done and what should not be done. But I wish to point out my feeling and the feelings of a number of Sarawakians on a certain matter. For the information of this House, particularly for the information of this Ministry, many of our loyal citizens in Sarawak and certainly in other parts of this country also are interested in joining the Foreign Service. I think it will be nice and very helpful if we can recruit a few persons from Sarawak into the Foreign Service in the future, including also those from the other parts of Malaysia. This will make the Sarawakians feel proud of representing Malaysia in the international community. I hope this Ministry will look into the matter and give proper consideration to the recruitment of people from the State of Sarawak into the Foreign Service.

6.34 ptg.

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun bercakap di bawah Kepala B. 25. Di dalam perbincangan Kementerian Luar Negeri ini ada sedikit sebanyak teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di atas dua perkara yang penting: yang pertamanya, dasar luar ataupun bersabit dengan non-alignment, dan kedua dasar neutralisation.

Izinkan saya, Tuan Pengerusi, jika ucapan saya ini bercampur dengan bahasa Inggeris, oleh sebab mungkin saya perlu menambah dalam bahasa Inggeris sedikit sebanyak. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas, Padang Rengas dan Kuala Kedah yang telahpun saya rasa memberikan pandangan-pandangan bersabit dengan teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta. Ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat itu saya rasa ada pengalaman, kerana mereka itu adalah bekas Duta kita di luar negeri dan mengetahui di atas dasar non-alignment dan juga neutralisation policy.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, I would like, in reply, to say that I am very much pleased by the exposition and announcement made by the Honourable Member for Kinta of his party's support to the policy of non-alignment, which has been enunciated by Malaysia and also for his party's support to

the neutralisation proposal. But it appears, Sir—and it is rather unfortunate—that he is probably a bit misinformed as to the concept of neutralisation and I think probably he is justified because the concept of neutralisation is a very specialised matter, and I cannot blame him for not being able to decipher and digest the very details of the concept. I would like to say this concept, which is now a concept of all ASEAN countries, is a political concept as opposed to one which is a legal concept. He was asking what would happen to the agreement entered into between ASEAN countries, or Malaysia, with regard to the concept of neutralisation if a new Government comes into power in a country with whom we have entered into an agreement. But here there is no effect, no change because what has been mentioned by Malaysia is only a political concept and not a legal concept. So, there is no obligation whatsoever at the moment.

Perhaps I should remind the Honourable Member of the Kuala Lumpur Declaration signed in November 1971, where all the ASEAN Foreign Ministers put their hands as signatories into this Declaration and recognised this region as a zone of peace, freedom and neutrality free from all forms of foreign interference. Its basic principles, as we see them, are non-involvement by the regional States in major power conflicts and non-interference by external States in the internal affairs of the regional States. I would like to say to this House that this very concept was enunciated by Malaysia. I am very glad to say that Malaysia was the principal exponent in enunciating the concept of neutralisation which has been widely accepted and the countries all over the world applauded us with the soundness of the concept of this neutralisation policy. The international bodies and sovereign States have all sent us congratulations for our enunciation of the concept which has the acceptance, as I have said earlier, of almost all the countries throughout the world, and it is a political concept which is viable. I am sure, Sir, that we cannot give up or abandon this concept just because the Honourable Member for Kinta does not understand the very details of the concept of this neutralisation. Therefore, it is our hope, that we shall persist on and carry on our concept of this neutralisation in the future.

Sir, I would like to add that this policy of neutralisation of our foreign affairs is not imposed on any individual. We are hoping that the remaining countries of the ASEAN would also accept this and join with the present five countries who were the signatories to the Kuala Lumpur Declaration. We hope that the other ASEAN countries will join us and become also signatories to the Kuala Lumpur Declaration in future.

This concept, as we see it and we do realise it, is not a concept that can be achieved overnight. It has to be explained and it has to be worked out, so that this concept, as a whole, would also give effect to the materialisation of the very concept of neutralisation throughout South-East Asia.

Sir, most of the issues that have been brought up by the Honourable Member for Kinta have been answered and my task of replying has been made much easier, as I have said earlier, by the three Honourable speakers who had been our Ambassadors or High Commissioners representing our country during the last few years. Tuan Pengerusi, I am indeed grateful to the exposition made by the Honourable Member daripada Kepala Batas which might have probably cleared what was in the mind of the Honourable Member for Kinta. So I shall not further add to what I have already said. I would also like to thank the Honourable Member for Padang Rengas who has given some suggestions, for which I am grateful.

Beliau telah mencadangkan iaitu isteri-isteri pun patut juga diberikan pimpinan supaya mereka ini dapat membuat atau melakukan perkara-perkara yang baik sebagai wakil negara kita.

Di sini saya suka menyebutkan bahawa pada kebiasaannya tidaklah secara rasmi kita memberikan pimpinan, tetapi secara tidak langsung kita ada lakukan iaitu isteri kepada pegawai-pegawai tinggi dan juga bersama-sama dengan suaminya dan pegawai-pegawai tinggi yang lain memberikan pandangan-pandangan, baikpun dari segi negara kita, dari segi ekonomi dari segi cara hendak melakukan mereka itu sebagai isteri kepada diplomat yang mewakili negara kita ini telah dibuat dari satu masa ke satu masa. Saya rasa buat masa sekarang ini boleh dikatakan sangatlah memuaskan di atas kedudukan ini. Jikalau perlu mungkin kita

membuat cara yang berkesan lagi pada masa yang akan datang dengan mengadakan kursus-kursus dan sebagainya, tetapi nampaknya kedudukan pada masa sekarang ini adalah sangat memuaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telahpun mencadangkan iaitu pelajaran kepada anak-anak pegawai-pegawai daripada Kementerian Luar Negeri ini dititikberatkan oleh Kerajaan. Di sini saya suka mengatakan bahawa Kerajaan telahpun memberikan banyak kemudahan-kemudahan sepertimana beliau sendiri telahpun menyebutkan, iaitu kemudahan untuk masuk ke satu-satu sekolah dan juga masuk ke sekolah-sekolah yang berasrama, kita akan membincangkan dalam perkara memberikan kemudahan ini. Jikalau anak-anak mereka tinggal di Malaysia ini pada masa cuti penggal sekolah mereka dapat pergi berjumpa dengan ibu bapa mereka di luar negeri dengan kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan. Perkara ini masih di dalam perbincangan untuk kemudahan-kemudahan kepada ibu bapa dan anak mereka tatkala anak mereka masih di bangku sekolah.

Saya mengucapkan terima kasih di atas ucapan tahniah yang diberikan kepada pegawai-pegawai di dalam Wisma Putra ataupun Kementerian Luar Negeri yang perkhidmatan mereka pada masa-masa yang lampau sangatlah baik dan telah memberikan kesan yang baik samada di negara-negara yang mereka wakili ataupun dalam United Nations yang mana imej Malaysia melalui mereka telahpun dipandang tinggi oleh wakil yang lain di dalam Bangsa-bangsa Bersatu, dalam badan-badan yang lain yang telahpun disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas mengenai perlantikan pegawai Malaysia sebagai Pengerusi GATT di Geneva barubaru ini.

It is an obvious manifestation of the support and respect given by other countries and of the high esteem that they have in their eyes for Malaysia. In this respect, I must say that credit must go to the foreign policy of Malaysia and also to the good work that has been done by the officers overseas to project the image of Malaysia, so that other countries would have a high regard and great esteem for Malaysia as a whole.

Tuan Pengerusi, it has also been recognised except by the Honourable Member for Kinta and also the Honourable Member for Kuala

Lumpur Bandar, that we have in the past established diplomatic relations with the East European countries. We have not only established diplomatic relations but also we have further established economic relationship with these countries. We have gone into trade with them. Much of our commodities, especially primary commodities, have been exported to these countries. In fact, if we look at the balance of trade with the East European countries, it is indeed very much in our favour, and this fact will refute the allegation made by the Honourable Member for Kuala Lumpur Bandar that we have not established economic or trade relationships with these countries. And if we refer to the statistics that have been published by the Government, it is clear and evident that our trade in the past few years has been going on very well and very much in our favour.

I would also like to reply to the allegation that we have no trade or economic ties with the Republik Rakyat China. We have had trade relationship with China in the past and some of the imported articles from China can be seen in the markets in Malaysia—and lately we have exchanged some sports personnel, especially basket-ball personnel with China. We have no differences with regard to the exchange of travelling facilities with other countries. They are similar and, in fact, have already been replied to earlier by the Honourable Minister of Home Affairs in this sitting in answer to an allegation that there are differences with regard to the travel facilities between our country and the Republik Rakyat China, and we are practising the same policy with regard to other countries also.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan tahniah dan juga terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah di atas pandangan-pandangan yang diberikan dan juga pandangan-pandangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

I am afraid that the Honourable Member for Kepong seems to claim credit as regards what he had said earlier, probably in 1964, advocating the relationship with the Eastern European countries. I would say that, as time goes on, we have to look at the conditions and circumstances prevailing at the very time, and we have had the idea of this relationship probably much longer or earlier

than the Honourable Member for Kepong had. He agreed with the Government that we should have relationship with Eastern Europe, and this is a question of probably "wise men think alike or fools seldom differ". We have had this relationship because we feel that we should project our image that we are non-aligned. We should project this policy of neutralisation because we feel that, outwardly as well as inwardly, it is beneficial and good for our country.

Tuan Pengerusi, dari segi ekonomi juga yang mana Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telahpun mencadangkan supaya banyak lagi perhubungan ekonomi dititikberatkan oleh pegawai-pegawai yang bertugas di luar negeri. Di sini saya suka mengatakan iaitu di dalam Wisma Putra kita telahpun mengadakan perubahan pegawai-pegawai yang berpengalaman (experienced) dalam bahagian ekonomi supaya mengadakan dasar-dasar yang baik, khususnya kerjasama di antara negara-negara di dalam ASEAN, dan juga kita telahpun menitikberatkan hubungan ekonomi dan menubuhkan dalam ASEAN sendiri jawatankuasa-jawatankuasa tetap. Sebelas jawatankuasa tetap telahpun diadakan. Ini semata-mata untuk mengadakan perhubungan dan bertukar fikiran dari segi ekonomi supaya kedudukan negara kita adalah bertambah baik dan dari segi kita mengatasi kedudukan harga getah, ini pun saya rasa pegawai-pegawai di Wisma Putra telahpun menitikberatkan, telah memainkan peranan yang besar menjadi satu badan yang menyelaras kan perhubungan di antara Kementerian-kementerian yang lain ataupun dengan negara-negara ASEAN.

Di sini suka saya mengatakan kita berharap dengan adanya kerjasama daripada negara-negara ASEAN, maka soal untuk menubuhkan buffer stock getah itu akan dapat diatasi supaya kita dapat kejayaan untuk menjaga kestabilan harga-harga getah yang mana telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua tiga hari ataupun seminggu yang sudah. Saya sendiri telahpun membuat banyak arahan supaya kita menitikberatkan soal pengalaman apa-apa yang berlaku di luar negeri supaya diberikan balik feedback information so that we can take action especially in the commercial side of the intelligence. Dalam

hal ini, kita sentiasa berwaspada dan menitik-beratkan untuk menjaga juga ekonomi negara kita, khususnya soal harga getah, harga kayu-kayan dan juga soal bijih (tin) dan kelapa sawit.

The Member for Kuala Lumpur Bandar has said that Malaysia should expand her relationship with the East European countries (which I have already touched upon just now) and he added that to capitalise on goodwill, Malaysia should establish diplomatic ties with Eastern European countries. It might be worthwhile to point out to the Honourable Member that we have diplomatic ties with the Eastern European countries with the exception of Albania. We have established two Embassies, i.e., in Belgrade in Yugoslavia and also in the Soviet Union and I think the Honourable Member is already aware of our relationships with these countries and the establishment of our Missions there. Our Ambassador to the Soviet Union is also concurrently accredited to Rumania, Poland, Hungary and Bulgaria. We will establish Mission in the other Eastern European capitals as and when we have the necessary resources in terms of personnel and funds.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Besut di atas pandangan-pandangan yang telah diberikan dan saya mengambil perhatian pandangan Ahli Yang Berhormat dari

Rajang yang meminta Kerajaan mengambil pegawai-pegawai daripada Sarawak. Saya rasa ada pegawai-pegawai dari orang Sarawak yang bertugas di Wisma Putra, dan kita sentiasa mengambil sesiapa juga anak warganegara Malaysia yang suka masuk di dalam Perkhidmatan Luar Negeri (Foreign Affairs Service) ini.

Itulah sahaja, jawapan saya dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun memberikan pandangan-pandangan dan saya sentiasa mengambil perhatian di atas pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan tersebut dan pegawai-pegawai saya bersama-sama dengan saya di belakang ini akan mengambil perhatian di atas cadangan-cadangan itu.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$30,747,150 untuk Kepala B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$1,395,030 untuk Kepala P. 25 disetujukan jadi sebahagian Anggaran Pembangunan, 1975.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 petang.